- PhD dalam Ekonomi dari Wharton School, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat

## KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH:

- Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan PNB Research Institute Sdn Bhd
- PRG Holdings Berhad

## PENGALAMAN KERJA:

Datuk Dr. Awang Adek mempunyai pengalaman kerja yang luas dalam bidang ekonomi dan kewangan. Beliau berkhidmat selama 17 tahun di Bank Negara Malaysia sebelum berhenti pada tahun 2001 sebagai Penolong Gabenor. Kemudian, beliau menjadi Pengerusi Tenaga Nasional Berhad.

Datuk Dr. Awang Adek bertanding pada pilihan raya 2004 dan memenangi kerusi parlimen, lanjutan dari itu beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar Malaysia. Seterusnya, bagi tahun 2006-2013, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Menteri Kewangan. Beliau telah dilantik sebagai Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat bagi tempoh 2014-2016. Presiden Obama telah melawat Malaysia sebanyak dua kali ketika Datuk Dr. Awang Adek berkhidmat sebagai Duta Besar. Datuk Dr. Awang Adek kini memegang jawatan Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), sejak September 2017.

LEMBAGA PENGARAH

# DATUK DR. MOHD. YAAKUB HAJI JOHARI



## JAWATAN:

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

## UMUR:

- 63

## TARIKH PELANTIKAN:

- 1 Januari 2017

## KELAYAKAN:

- Sarjana Muda Sains (Kepujian) dari University of Sussex, England
- Sarjana Sains (Pengajian Liberal) dari University of Manchester, England
- PhD dalam Sosiologi dari University of Salford, England

## KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH:

- Suria Capital Holdings Berhad, Warisan Harta Sabah Sdn Bhd, Institut Pengajian Pembangunan (Sabah), Perbadanan Pembangunan Minyak dan Gas Sipitang dan Kimanis Power Sdn Bhd

## MAKLUMAT TAMBAHAN:

- Presiden, Association of Development Research and Training Institutes for Asia Pacific (ADIPA)
- Ahli Lembaga Pengarah International Federation of Institutes of Advanced Studies (IFIAS)

## PENGALAMAN KERJA:

Datuk Dr. Mohd Yaakub memulakan kerjaya beliau sebagai pensyarah sambilan dalam Sains Politik di Institut Teknologi MARA dan pada tahun 1983, beliau menyertai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah sebagai Penolong Pengarah (Penyelidikan dan Perundingan) di Jabatan Ketua Menteri. Beliau dilantik sebagai Penolong Pengarah Utama (Pembangunan Pengurusan) pada tahun 1984. Beliau menyertai Institut Pengajian Pembangunan, Sabah (IDS), badan pemikir rasmi negeri Sabah sebagai Pengarah Bersekutu (Hal Ehwal Sosial) pada tahun 1985 dan kemudian dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Eksekutif/Felo Penyelidik Kanan pada 1991-1994. Beliau berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif/Ketua Eksekutif IDS selama 15 tahun dari 1994-2009 sebelum dilantik sebagai Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) pada tahun 2009.

## LEMBAGA PENGARAH

# TUAN HAJI SOEDIRMAN AINI

### JAWATAN:
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

### UMUR:
- 62

### TARIKH PELANTIKAN:
- 1 Januari 2017

### KELAYAKAN:
- Felo Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (UK)
- Akauntan Bertauliah Malaysia dari Institut Akauntan Malaysia (MIA)

### KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH:
- Rosewood Station Pty Ltd, Sarawak Concrete Industrial Berhad, Amanah Saham Sarawak Berhad, Sara Worlwide Vacations Berhad dan Damai Golf & Country Club Berhad



### PENGALAMAN KERJA:

Tuan Haji Soedirman memulakan kerjaya beliau dengan Petroliam Nasional Berhad pada tahun 1982 dan selepas berkhidmat selama 13 tahun, beliau meletak jawatan pada tahun 1995 untuk menyertai Kerajaan Negeri Sarawak.

Beliau kini merupakan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC). Sebelum ini dalam Perkhidmatan Awam Sarawak beliau telah memegang jawatan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Sosial, Pengarah Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian, Timbalan Setiausaha Kewangan Negeri dan Ketua Akauntan Negeri. Antara November 2002 dan September 2003, beliau telah dipinjamkan ke Amanah Saham Sarawak Berhad sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.

# PENGURUSAN KANAN

SILA RUJUK HALAMAN 21



## DATO' ABDUL RAHMAN AHMAD

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan



## DATO' IDRIS KECHOT

Timbalan Presiden & Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, Pengurusan Aset

### UMUR:
63

### KELAYAKAN:
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan pengkhususan Kewangan dari University of Sterling, United Kingdom
- Sarjana Muda Sains dalam Perniagaantani dari Universiti Putra Malaysia

### MAKLUMAT TAMBAHAN:
- Menghadiri Accelerated Development Programme di London Business School, United Kingdom
- Perancang Kewangan Bertauliah (CFP)
- Pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL)

### PENGALAMAN KERJA:

Dato' Idris menyertai PNB pada tahun 1983 di bawah Program Pelatih Eksekutif. Selama 34 tahun berkhidmat di PNB, beliau telah memegang pelbagai jawatan termasuk Eksekutif Kanan, Penyelidikan; Pengurus Besar Kanan, Bahagian Pelaburan; Timbalan Presiden, Unit Amanah dan jawatan sekarang sebagai Timbalan Presiden & Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, Pengurusan Aset PNB.

## PENGURUSAN KANAN



# DATIN PADUKA KARTINI HJ ABDUL MANAF

Timbalan Presiden,
Pelaburan Strategik

**UMUR:**
57

**KELAYAKAN:**
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Ohio University, Amerika Syarikat
- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Ohio University, Amerika Syarikat
- Diploma Pengajian Perbankan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM)

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**
- Perancang Kewangan Bertauliah (CFP)
- Pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL)

**PENGALAMAN KERJA:**

Datin Paduka Kartini menyertai PNB pada tahun 1983. Sepanjang kerjaya beliau selama 30 tahun dengan PNB, beliau telah memegang pelbagai jawatan dan terlibat dalam pelbagai aspek pengurusan pelaburan dan kewangan korporat, termasuk penggabungan dan pengambilalihan, penstrukturan korporat, pengurusan portfolio, pelaburan hartanah dan pembangunan perniagaan.



# DATO' MOHD NIZAM ZAINORDIN

Timbalan Presiden & Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan PNB

**UMUR:**
55

**KELAYAKAN:**
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Asian Institute of Management
- Akauntan Bertauliah Malaysia dari Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Felo ACCA dari Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**
- Perancang Kewangan Bertauliah (CFP)

**PENGALAMAN KERJA:**

Dato' Mohd Nizam memulakan kerjaya beliau dengan Sime Darby sebagai Akauntan sebelum menyertai PNB pada tahun 1994 sebagai Penolong Pengurus, Kewangan & Pentadbiran. Sepanjang berkhidmat di PNB, beliau telah memegang pelbagai jawatan termasuk Pengurus Kanan, Operasi; Penolong Naib Presiden, Operasi Unit Amanah; Naib Presiden Kanan, Jabatan Kewangan & Pemprosesan Pelaburan; Ketua Pegawai Kewangan (CFO) Bahagian Kewangan dan Teknologi Maklumat dan jawatan beliau sekarang sebagai Timbalan Presiden & CFO Kumpulan.

## PENGURUSAN KANAN



## RIZAL RICKMAN RAMLI

Naib Presiden Eksekutif, Harta/Hartanah

**UMUR:**
40

**KELAYAKAN:**
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan – Kewangan & Operasi, Kellogg School of Management, Northwestern University, Amerika Syarikat
- Sarjana Muda Ekonomi, University of Chicago, Amerika Syarikat

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**
- Mentor, Endeavor Malaysia
- Pengerusi, Jawatankuasa Kawal Selia & Hal Ehwal Kerajaan, Persatuan Gas Malaysia

**PENGALAMAN KERJA:**

Rick Ramli dilantik sebagai Naib Presiden Eksekutif, Harta/Hartanah pada 5 Mac 2018 untuk menyelia operasi perniagaan PNB yang berkaitan dengan pelaburan dan operasi harta dan hartanah. Sebelum menyertai PNB, Rick merupakan Rakan Kongsi Pengurusan Negara bagi Boston Consulting Group (BCG) di Malaysia dan turut berkhidmat sebagai Pengerusi Insan untuk BCG di Asia Tenggara. Ketika berkhidmat dengan BCG, beliau telah menjayakan tugasan pelanggan di lebih daripada 10 negara di seluruh dunia dan pernah berkhidmat dengan pejabat BCG di London.



## MOHAMMAD HUSSIN

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB

**UMUR:**
58

**KELAYAKAN:**
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Cranfield Institute of Technology, United Kingdom
- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran) dari University of Portland, Oregon, Amerika Syarikat

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**
- Pengamal Perhubungan Awam Bertauliah dari Institut Perhubungan Awam Malaysia (IPRM)
- Perancang Kewangan Berdaftar dengan Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC)

**PENGALAMAN KERJA:**

Sebelum menyertai PNB, Mohammad berkhidmat di UMW Toyota Motor Sdn Berhad sebagai Pengurus Komunikasi Korporat dan sebelum itu sebagai Pembantu Khas kepada Pengarah Urusan di EON Bhd. Beliau telah memegang pelbagai jawatan sepanjang berkhidmat dengan PNB. Bermula sebagai Pengurus Kanan, Jabatan Perkhidmatan Korporat pada tahun 2002 sebelum dinaikkan pangkat kepada Penolong Naib Presiden, dah kemudian dipindahkan ke Jabatan Komunikasi Korporat. Beliau juga berkhidmat sebagai Naib Presiden dan Naib Presiden Kanan Jabatan Pemasaran dan Operasi Cawangan sebelum dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB.

# EKSEKUTIF UTAMA

## PENGURUSAN ASET
















01
**HANIZAN HOOD**
Naib Presiden Kanan,
Pengurusan Dana

02
**LIM CHENG EAN**
Naib Presiden,
Analisis Pelaburan

03
**ISMAIL NGAH RABU**
Naib Presiden,
Operasi Pasaran Ekuiti

04
**ROSNAH MOHD JANOR**
Naib Presiden,
Pendapatan Tetap

05
**MOHD HANIZ MOHD NAZLAN**
Naib Presiden,
Peruntukan Aset Strategik

# EKSEKUTIF UTAMA

## PEGURUSAN ASET
















06
### MOHAMAD ZUWAIRI ABD RAHMAN
Naib Presiden,
Dana ASB

07
### SUHAINI ABD RAHMAN
Naib Presiden,
Dana Harga Tetap

08
### ROSE ANITA JALIL
Naib Presiden,
Dana Harga Berubah

09
### AHMAD FIRDAUS ABDULLAH
Naib Presiden,
Antarabangsa

10
### NURHALINI AZLY MINHAT
Penolong Naib Presiden,
Dana Proprietari

# EKSEKUTIF UTAMA

## PELABURAN STRATEGIK
















01
### MOHAMAD IDROS MOSIN
Naib Presiden Kanan,
Ekuiti Awam

02
### MOHD IRWAN AHMAD MUSTAFA
Naib Presiden Kanan,
Pelaburan Persendirian & Projek Khas

03
### AMIZAR MIZUAR
Naib Presiden,
Ekuiti Awam

04
### NIK MYSHANI NIK MOHAMED
Naib Presiden,
Perkhidmatan Korporat

05
### FADZIHAN ABBAS MOHAMED RAMLEE
Naib Presiden,
Perancangan Korporat & Strategi

# EKSEKUTIF UTAMA

## HARTA/HARTANAH






















01
### TENGKU DATO' AB. AZIZ TENGKU MAHMUD
Ketua Pegawai Eksekutif,
PNB Merdeka Ventures Sdn Berhad

02
### MOHD SALEM KAILANY
Ketua Pegawai Eksekutif,
PNB Development Sdn Berhad

03
### TUN ABDULL MUTALIB TUN HASSAN
Ketua Pegawai Operasi,
PNB Commercial Sdn Berhad

04
### HAFIDZ ATRASH KOSAI MOHD ZIHIM
Ketua Pegawai Eksekutif,
Pelaburan Hartanah Nasional Berhad

05
### MAZUKI ABDULLAH
Naib Presiden,
Pengurusan Pelaburan Hartanah

06
### MOHD KAMIL IBRAHIM
Penolong Naib Presiden,
Hartanah Tempatan & Antarabangsa

07
### YUZAIRI YUSSOFF
Naib Presiden,
Aset Pembangunan - PNB 1194

# EKSEKUTIF UTAMA

## UNIT AMANAH



















01
**FAIRUZ SUZANA HJ KAMARUDDIN**
Naib Presiden,
Strategi Unit Amanah &
Pengurusan Produk

02
**MOHD RIDZA YAHYA**
Naib Presiden,
Pengurusan &
Penyeliaan Cawangan

03
**MOHD AZUDDIN SHAM ABDULLAH**
Naib Presiden,
Operasi Unit Amanah &
Pentadbiran Rekod

04
**SITI NORILAH SHAMSUL BAHRI**
Naib Presiden,
Pemasaran &
Kecelikan Kewangan

05
**MOHD YUSRI SURIP**
Naib Presiden,
Pengurusan Ejen &
Perhubungan Pelanggan

06
**AHMAD TARQUIN MOHAMMAD KHALID**
Naib Presiden,
Akaun

# EKSEKUTIF UTAMA

## KORPORAT




























01
### ADIBAH KHAIRIAH ISMAIL @ DAUD
Setiausaha Syarikat Kumpulan PNB

02
### KAMARUL BAHARIN MOHD DAUD
Naib Presiden Kanan, Asurans Dalaman

03
### AZIZ ANUAR
Naib Presiden Kanan, Hal Ehwal Korporat & Komunikasi

04
### AIDA MD DAUD
Naib Presiden Kanan, Modal Insan

05
### MUZZAFFAR OTHMAN
Ketua Pegawai Teknologi

06
### SUZANA AHMAD
Ketua Pegawai Risiko

07
### RIZIANA HANIM JAMEL
Naib Presiden, Kewangan

08
### HARTINI ZAINAL ABIDIN
Naib Presiden, Perundangan

09
### DR. AHMAD BASRI IBRAHIM
Ketua, Pengurusan Syariah



# RENDAH DIRI

KAMI SENTIASA MENGHORMATI ORANG LAIN SERTA MENJIWAI ASAL-USUL DAN

**PERJUANGAN JITU PNB**





# PERUTUSAN PENGERUSI KUMPULAN

PARA PEMEGANG UNIT YANG DIHORMATI,

SAYA DENGAN SUKACITANYA MEMBENTANGKAN LAPORAN TAHUNAN 2017 PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB). DI SINI, KAMI MENYEDIAKAN TINJAUAN MENYELURUH PRESTASI KAMI PADA TAHUN LALU, KEDUDUKAN KEWANGAN SEMASA DAN ULASAN TERPERINCI MENGENAI PELAN STRATEGIK KAMI.

PNB mencapai usia 40 pada tahun ini (2018). Seperti yang dilihat dari rekod prestasi dan kedudukan kewangan kami yang mantap, institusi pelaburan ini telah berkembang pesat sejak tahun 1978. Institusi ini merupakan salah satu pengurus dana terbesar di negara ini, dengan aset di bawah pengurusan berjumlah lebih RM279 bilion pada penghujung tahun lalu. Dengan hampir 220 bilion unit dalam edaran dan lebih 13 juta akaun, dana-dana unit amanah PNB membentuk lebih separuh daripada industri unit amanah tempatan.

Sementara itu, pelaburannya dalam ekuiti awam, termasuk kepentingan dalam beberapa syarikat tersenarai terbesar di Malaysia, adalah bersamaan dengan satu per sepuluh daripada jumlah permodalan pasaran Bursa Malaysia, iaitu berjumlah RM1,906.8 bilion.

Kejayaan PNB selama empat dekad yang lalu hanya dapat dicapai atas kepercayaan yang telah diberikan oleh jutaan rakyat Malaysia selama ini, yang terus meletakkan harapan untuk kami memberikan pulangan pelaburan yang mampan dan berdaya saing. Tidak dapat dinafikan bahawa tanggungjawab ini telah menjadi semakin mencabar secara progresif, ketika teknologi dan persaingan terus mengubah landskap pelaburan pada kadar yang tidak menentu, malah ekuiti awam yang merupakan pelaburan utama kami tidak lagi berkembang pada kadar yang dicatatkan sebelum ini.

## PERUTUSAN PENGERUSI KUMPULAN



# TAN SRI ABDUL WAHID OMAR

PENGERUSI KUMPULAN




Namun begitu, saya berbangga bahawa tanpa dilekakan dengan kejayaan lalu, PNB secara proaktif telah mengenal pasti langkah-langkah dalam menangani cabaran-cabaran yang mendatang. Pelan Strategik PNB 2017-2022 atau dikenali sebagai STRIVE-15 telah dilancarkan pada 25 November 2016, dan menggariskan inisiatif dan keutamaan strategik PNB yang paling penting untuk mencapai visi kami menjadi sebuah firma pelaburan distinktif bertaraf dunia.

Terdapat 15 inisiatif dalam STRIVE-15 untuk dilaksanakan di bawah tiga teras strategik:

Teras 1 - Meningkatkan Pulangan Mampan;
Teras 2 - Pengurusan Pelaburan Berkesan; dan
Teras 3 - Memacu Kecemerlangan Operasi

Pada tahun 2017, kami memberi tumpuan kepada penyediaan perkara-perkara asas yang diperlukan untuk melaksanakan segera teras-teras tersebut. Ia adalah tahun yang dipenuhi usaha gigih serta tahun yang membanggakan dengan sebilangan pencapaian. Saya amat bangga dengan usaha gigih oleh semua rakan sekerja di PNB untuk meletakkan kami di landasan yang kukuh dalam menangani cabaran masa depan dan gembira kerana dapat saya kongsikan laporan ini.

### EKONOMI DAN PASARAN - ULASAN DAN TINJAUAN

Ekonomi Malaysia, yang diukur oleh KDNK, berkembang sebanyak 5.9% pada tahun 2017 berbanding pengembangan sebanyak 4.2% pada tahun sebelumnya. Berlatarkan ekonomi yang semakin meningkat, Indeks Komposit KL FTSE Bursa Malaysia (KLCI) naik dengan mengagumkan sebanyak 9.4% pada tahun 2017 selepas mengalami pertumbuhan negatif selama tiga tahun. Ia juga merupakan tahun pemulihan bagi Ringgit berbanding Dolar AS, yang melonjak semula dari paras paling rendah selama 19 tahun iaitu, RM4.49 dan meningkat 10% kepada RM4.05 pada penghujung tahun berkenaan.

Pertumbuhan ekonomi global juga melepasi jangkaan. Ekonomi Zon-Eropah mencatatkan prestasi tahunan terbaik dalam tempoh sedekad dengan pertumbuhan kolektif sebanyak 2.4%, sementara ekonomi AS memperoleh momentum dengan pengembangan sebanyak 2.3%, jauh melebihi pengembangannya pada 2016 iaitu sebanyak 1.5%. Begitu juga di Asia di mana ekonomi India dan China berkembang masing-masing sebanyak 6.7% dan 6.8% pada tahun 2017.

Tabung Kewangan Antarabangsa menjangkakan pertumbuhan global sebanyak 3.7% bagi tahun 2017. Ini merupakan pertumbuhan tahunan terbesar bagi ekonomi dunia sejak tahun 2011 dan trend menaik ini dijangka berterusan dengan ramalan pertumbuhan sebanyak 3.9% bagi tahun 2018.

Sementara itu, Institut Penyelidikan PNB menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia akan menyederhana antara 5.0% hingga 5.5% pada tahun 2018. Permintaan domestik yang kukuh akan menjadi pemacu utama di sebalik pengembangan ini sementara pertumbuhan ekonomi global yang lebih cepat daripada jangkaan sudah tentunya memberi manfaat kepada eksport Malaysia.

Pemacu lain ekonomi tempatan dan pasaran modal adalah harga minyak mentah. Harga komoditi ini dijangka sekitar US$62 setong pada tahun 2018, berbanding purata AS$54 setong pada tahun lalu. Insentif tambahan untuk prestasi yang baik di bursa tempatan adalah pilihan raya umum yang akan datang serta mudah tunai dagangan global dan domestik yang mencukupi.

Seperti biasa, terdapat risiko kepada prospek pertumbuhan ekonomi dunia yang baik. Kenaikan kadar faedah di negara-negara maju boleh menyebabkan perbelanjaan pengguna dan korporat ditarik balik. Lebih banyak langkah-langkah perdagangan yang mementingkan penyempurnaan yang dilaksanakan pada tahun ini boleh membawa kepada ketegangan perdagangan yang berbahaya yang akan menjejaskan eksport, perniagaan dan pekerjaan. Jelas sekali, ekonomi global juga akan terjejas akibat ketidakstabilan politik atau krisis geopolitik yang mungkin berlaku di Eropah, Asia Timur dan Timur Tengah.

# PERUTUSAN PENGERUSI KUMPULAN

## PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2017

Saya ingin mengetengahkan lima pencapaian PNB pada tahun lalu. Pertama, kedudukan kewangan PNB yang bertambah baik adalah sejajar dengan persekitaran ekonomi yang kondusif dan pasaran ekuiti yang mantap. Kira-kira 98% daripada pelaburan PNB berada di dalam negara ini. Aset-aset ini serta langkah-langkah yang diambil sepanjang tahun untuk mentransformasi syarikat-syarikat strategik kami (syarikat awam tersenarai di mana PNB merupakan pemegang saham majoriti) telah menjana pulangan yang kukuh untuk dana-dana kami.

Pada tahun 2017, proforma pendapatan bersih PNB yang digabungkan serentak dan dana-dananya meningkat sebanyak 16.4% kepada RM17.7 bilion. Ini dapat dilihat dari peningkatan jumlah pulangan efektif (yang terdiri daripada bonus pengagihan pendapatan, bonus dan bonus ulang tahun ke-40) bagi pemegang unit Amanah Saham Bumiputera (ASB), iaitu 8.25% untuk 10,000 unit pertama dan 7.25% untuk baki unit yang dipegang oleh setiap pemegang unit.

Pencapaian kedua kami adalah berkaitan dengan penciptaan semula korporat yang dipacu PNB yang bermatlamat mewujudkan nilai. Pelaksanaan korporat yang dimulakan menghasilkan peningkatan ketara sebanyak RM39.5 bilion dalam permodalan pasaran syarikat-syarikat strategik kami pada tahun 2017. Keuntungan ini meliputi jumlah purata pulangan berwajaran pemegang saham (TSR) sebanyak 26.0%, hampir dua kali ganda TSR KLCI iaitu sebanyak 13.2% bagi tahun ini.

Merombak semula syarikat-syarikat, memikirkan semula kelebihan daya saing mereka dan cara syarikat ini boleh mewujudkan lebih banyak nilai untuk pemegang saham bukanlah satu perkara mudah. Tetapi ia adalah perkara yang perlu jika perniagaan hendak diteruskan. Seperti yang dilihat dalam transformasi syarikat-syarikat strategik kita, nilai-nilai yang tersimpan boleh dirungkai dan dimanfaatkan.

PNB sentiasa memperakui dan menghargai keutamaan bagi pelaburan patuh Syariah dalam kalangan pemegang unit kami. Tahun lalu, majlis agama Islam negeri Selangor dan Pulau Pinang telah mengeluarkan fatwa yang mengisytiharkan status Harus untuk pelaburan dalam dana Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Ini adalah konsisten dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 2008 serta fatwa daripada majlis-majlis agama Islam 12 negeri yang lain dan wilayah persekutuan. Memperoleh fatwa dibenarkan atau Harus daripada semua majlis agama merupakan pencapaian penting kepada PNB dan satu langkah asas dalam usaha kami ke arah pematuhan Syariah yang lebih luas.







PNB juga telah mencatat pencapaian penting dalam perjalanannya ke arah digitalisasi tahun lalu. Digitalisasi atau penggunaan teknologi digital secara besar-besaran merupakan trend yang semakin meningkat dalam persekitaran yang kaya dengan maklumat terkini dan `berhubung'. Seperti dalam mana-mana industri lain, teknologi merupakan komponen utama dalam pengurusan pelaburan dan penting kepada banyak proses.

Setelah menyempurnakan pelaksanaan penghijrahan data secara besar-besaran, ASNB telah melancarkan sistem pengagihan dana baharu pada bulan Jun 2017. Kini, para pemegang unit kami tidak perlu lagi menggunakan buku pelaburan mereka untuk menjalankan urus niaga. Dengan sistem tanpa buku pelaburan yang baharu, pemegang unit hanya memerlukan nombor rujukan dan kad pengenalan masing-masing untuk membeli atau menjual unit-unit dalam dana ASNB.

Sistem pengagihan dana ASNB yang baharu ini meningkatkan kecekapan perkhidmatan pelanggan. Lebih penting lagi, sistem ini menyediakan asas bagi inovasi teknologi lain yang akan memudahkan lagi pemegang unit untuk berurusan dengan kami. Sebagai contoh, versi sulung www.myasnb.com.my, portal bagi pemegang unit mendapatkan penyata dan mengemas kini maklumat peribadi mereka, telah berjaya `diaktifkan' (`*go live*') tahun lalu. Pasukan kami sedang gigih berusaha untuk menyediakan versi 2.0 dengan lebih banyak ciri baharu yang akan dinikmati oleh para pemegang unit.

Akhirnya, sebagai sebuah entiti kerajaan, PNB merupakan organisasi komersial dengan matlamat sosial. Sepanjang bertahun-tahun yang lalu, produk-produk kami adalah amat berpatutan dan amat mudah diperolehi yang pada mulanya dirumus untuk kaum Bumiputera, kini telah berkembang menjadi dana unit amanah yang disasarkan kepada semua rakyat Malaysia.

Pencapaian utama kami yang kelima ialah Amanah Dana Anak Malaysia 2050 atau ADAM50, satu skim yang dilancarkan bersama dengan Kerajaan yang mencerminkan pendekatan ‘lautan biru’ kami untuk menggalakkan isi rumah Malaysia untuk melabur sejak lahir. Dalam skim ini, setiap rakyat Malaysia yang lahir antara 1 Januari 2018 dan 31 Disember 2022 menerima 200 unit pemula secara percuma dalam ASB (bagi Bumiputera) atau AS 1Malaysia (bagi bukan Bumiputera). Saya amat berharap agar ADAM50 menjadi asas dan memberi inspirasi kepada para ibu bapa untuk menabung untuk anak-anak mereka dan, dengan berbuat demikian, sebagai galakan untuk mereka sendiri menabung.

# PERUTUSAN PENGERUSI KUMPULAN




ADAM50 dilancarkan secara rasminya oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 22 Februari 2018 ketika program Bajet 2018 Bersama Rakyat di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.

## MATLAMAT SOSIAL

Antara banyak inisiatif yang dilaksanakan oleh PNB pada tahun 2017 dalam menyampaikan matlamat sosialnya, izinkan saya mengetengahkan dua inisiatif secara khusus. Yang pertama adalah permulaan program Akauntan Berkanun PNB kami, yang merupakan kerjasama antara PNB dan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera, dengan INTEC Education College dan Sunway TES Center for Accountancy Excellence sebagai penyedia pendidikan, dengan sasaran keseluruhan untuk menghasilkan seramai 1,000 akauntan berkanun Bumiputera baharu menjelang 2022. Ini adalah kesinambungan usaha berterusan PNB sepanjang tempoh 40 tahun yang lalu untuk mengembangkan dan membangunkan kumpulan bakat Bumiputera di negara ini, dan merupakan langkah ke hadapan yang penting, memandangkan kurangnya penyertaan Bumiputera iaitu sebanyak 8.5% dalam bidang profesional ini. Saya berbangga bahawa pada tahun 2017, tahun pertama operasi program ini, seramai 505 calon telah pun ditaja, yang saya harap ini merupakan satu tanda kejayaan yang akan datang.

Yang kedua ialah inisiatif kami untuk menyediakan perumahan mampu milik yang berkualiti dan sesuai didiami melalui anak syarikat kami, PNB Homes Value, dengan matlamat untuk membina 5,000 rumah mampu milik menjelang 2022. Melalui bank tanah PNB yang luas, dua projek rintis di Sungai Sedu, Selangor dan Port Dickson, Negeri Sembilan, telah dikenal pasti pada tahun 2017, dan kerja-kerja persediaan telah dijalankan sepanjang tahun untuk berusaha ke arah pelancaran pertama kami pada tahun 2018. Saya amat berharap untuk melaporkan kemajuan berterusan kami dalam bidang ini untuk beberapa tahun akan datang, dan saya harap rumah-rumah kediaman ini sedikit sebanyak dapat memenuhi permintaan yang tinggi terhadap perumahan sedemikian hari ini di negara ini.

### MENJELANG 2022

Sasaran untuk melahirkan
**1,000**
Akauntan Berkanun Bumiputera baharu

Menyasarkan pembinaan
**5,000**
Kediaman mampu milik

## EVOLUSI DAN ASPIRASI

Izinkan saya berkongsi lima keutamaan penting atau sasaran bagi PNB pada tahun 2018.

Pertama, pelaksanaan pendekatan Peruntukan Aset Strategik kami, yang dirumuskan pada tahun 2017, untuk memulakan peningkatan pulangan jangka panjang kami, dalam toleransi risiko yang ditetapkan. Kami mampu berusaha ke arah pengimbangan semula secara beransur-ansur dan mengoptimumkan peruntukan aset portfolio, yang antara lain termasuk, meningkatkan pendedahan kami terhadap pelaburan persendirian di dalam dan di luar negara, di mana wujudnya peluang yang sesuai.

Kedua, kami berhasrat untuk membina atas asas yang telah tersedia pada tahun 2017 untuk terus memastikan syarikat-syarikat strategik kami memberi tumpuan untuk meningkatkan asas-asas perniagaan mereka, perolehan teras dan pembayaran dividen, yang semuanya akan menghasilkan peningkatan dalam jumlah pulangan kepada pemegang saham (TSR) mereka dan dengan itu mewujudkan nilai kepada semua pemegang saham . Kini, syarikat-syarikat strategik kami telah menyusun semula syarikat mereka kepada pengkhususan jenis perniagaan yang lebih fokus, ini seharusnya diikuti dengan penekanan terhadap peningkatan prestasi operasi, dan kami akan bekerjasama rapat dengan syarikat-syarikat kami bagi memastikan aspirasi ini dipenuhi, demi kepentingan semua.

Ketiga, kami berharap dapat berinteraksi dengan syarikat-syarikat teras kami (di mana kami memiliki sekurang-kurangnya 10% pegangan saham atau RM1 bilion nilai pelaburan) untuk bekerjasama ke arah memacu prestasi korporat yang lebih baik. Saya bercita-cita untuk melihat pertumbuhan perolehan korporat bagi tahun 2018 melepasi jangkaan tahun ini, kerana adalah penting pertumbuhan perolehan ditingkatkan untuk mencapai TSR yang lebih tinggi. Dengan strategi dan pelaksanaan yang tepat, kami berharap perolehan dapat ditingkatkan secara mampan, dan kami akan mengambil peranan aktif pada tahun ini bersama syarikat-syarikat kami untuk mencari jalan untuk mencapai matlamat ini.

Saya juga ingin menarik perhatian kepada kepentingan kritikal inisiatif Saham "I" kami. Satu cabaran utama persekitaran pelaburan di Malaysia pada hari ini adalah ketersediaan ekuiti patuh Syariah, terutamanya dalam sektor perkhidmatan kewangan. Hakikat bahawa syarikat-syarikat awam tersenarai perkhidmatan kewangan yang patuh Syariah hanya membentuk 5% daripada jumlah permodalan pasaran sektor, menimbulkan cabaran sebenar

## PERUTUSAN PENGERUSI KUMPULAN



bagi dana patuh Syariah yang perlu melabur dalam saham-saham ini – penawarannya terhad, tetapi permintaan semakin meningkat, contohnya pertumbuhan dana Syariah Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, belum diambil kira lagi usaha PNB sendiri untuk meningkatkan bahagian pelaburan patuh Syariah kami.

Bagi memenuhi keperluan ini, saya berharap inisiatif Saham "Islam" atau "I" akan memperoleh daya tarikan pada 2018. Ini adalah di mana sebahagian saham sebuah bank Malaysia yang mempunyai perniagaan Kewangan Islam yang cukup besar boleh ditetapkan sebagai Saham "I". Peratusan yang ditetapkan sebagai "I" akan bergantung kepada jumlah pendapatan dividen yang dapat dikesan atau "dijamin" adalah daripada aktiviti patuh Syariah bank. Memandangkan manfaat dan peluang yang ditawarkan oleh saham-saham patuh Syariah tambahan ini kepada pasaran, PNB akan terus mengadakan pembabitan bersama pihak berkepentingan yang berkaitan untuk meneruskan inisiatif Saham "I" dan semoga dapat menjadikannya satu kenyataan pada tahun ini.

Akhir sekali, tidak kurang pentingnya, saya berharap PNB akan terus membangun atas momentum pelaksanaan STRIVE-15 tahun lalu dan seterusnya mengembangkan skala transformasi kapasiti dan keupayaan kami di bawah Pelan Strategik ini, bagi memastikan kami mampu mencapai visi menjadi sebuah firma pelaburan distinktif bertaraf dunia, dan menyampaikan pulangan yang mampan, berdaya saing untuk manfaat pemegang unit kami.

Saya berharap 2018 merupakan tahun yang baik untuk ekonomi tempatan dan pasaran modal. Pertumbuhan ekonomi yang mantap membawa lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan serta prestasi yang lebih baik bagi dana kami. Ini seterusnya akan memberi manfaat kepada lebih 13 juta pemegang unit dan membawa kesejahteraan kewangan yang lebih baik kepada tujuh juta isi rumah di Malaysia.

### PENGHARGAAN

Dato' Rahman, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, dan saya kini sudah lebih setahun bersama PNB – saya menyertai PNB pada bulan Ogos 2016, beliau pula dua bulan selepas saya – dan kami berdua amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, dan ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pelaburan Bumiputra, kerana memberi kepercayaan kepada kami untuk menerajui institusi negara ini. Kami akan berusaha sebaik mungkin untuk terus membangunkan dan meningkatkan kekayaan negara dan semua pemegang unit kami.

Kami berterima kasih kepada kepimpinan terdahulu, yang daripada mereka kami warisi institusi dengan rekod prestasi yang kukuh serta pasukan yang berkaliber tinggi. Sekalung penghargaan kepada Yang Amat Berbahagia Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, bekas Pengerusi PNB, dan juga Yang Berbahagia Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman, bekas Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB.

2017 menyaksikan perubahan kepimpinan yang signifikan kepada PNB dan syarikat-syarikat strategik kami. Lembaga pengarah memainkan peranan penting sebagai pusat yang berkesan dan kukuh yang memacu inisiatif kami di samping memberikan hala tuju strategik dan nasihat. Dan, bagi pihak PNB, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli lembaga pengarah dan kakitangan kami yang telah bersara.

Kami sangat berterima kasih atas kepimpinan, dedikasi dan sumbangan yang tidak ternilai mereka ketika berkhidmat di lembaga pengarah PNB: Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Asmat Kamaluddin, Tan Sri Amar Bujang Mohammed Bujang Mohammed Nor, Tan Sri Ainum Mohamed Saaid dan Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid Mohd Noordin. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Dr. Abdul Halim Ismail, yang bersara sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah PNB dan bekas ahli Jawatankuasa Pelaburan Amanah Saham Wawasan 2020 yang bersara pada akhir tahun lalu iaitu Tan Sri Faizah Mohd Tahir, Dato' Wan Roshdi Wan Musa dan Encik Cheng Kee Check.

## PERUTUSAN PENGERUSI KUMPULAN




> "Saya juga ingin mengalu-alukan ahli-ahli baharu:"

**Lembaga PNB**

- Tan Sri Zarinah Anwar
- Datuk Dr. Awang Adek Hussin
- Datuk Dr. Mohd. Yaakub Johari
- Tuan Haji Soedirman Aini

**Lembaga Pengarah ASNB**

- Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali
- Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani
- Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood

**Jawatankuasa Pelaburan PNB**

- Datuk Dr. Mohd Daud Bakar

**Jawatankuasa Penasihat Syariah PNB**

- Datuk Dr. Mohd Daud Bakar (Pengerusi)
- Dr. Aida Othman

Sempena ulang tahun ke-40 PNB pada tahun 2018, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pengerusi pertama PNB, Allahyarham Tun Ismail bin Mohamed Ali, yang genap 100 umur beliau pada tahun ini. Tun Ismail juga merupakan individu Malaysia pertama yang dilantik sebagai gabenor Bank Negara dan merupakan gabenor paling lama berkhidmat di Bank Pusat di Asia. Beliau berkhidmat sebagai pengerusi ketika PNB ditubuhkan pada 17 Mac 1978 sehingga 17 Oktober 1996. Selepas itu, Tun Ismail terus menjadi penasihat kepada PNB sehingga beliau meninggal dunia pada 6 Julai 1998.

Di bawah bimbingan beliau, PNB menjadi salah sebuah institusi pelaburan terbesar di negara ini dan mencapai mandatnya untuk menggalakkan pemilikan ekuiti dan membangunkan peluang untuk pewujudan dan pengurusan kekayaan dalam kalangan Bumiputera.

Tun Ismail berjaya memperoleh kepercayaan dan keyakinan daripada lebih 7 juta pemegang unit ketika tempoh perkhidmatan beliau, dan meninggalkan asas-asas yang kukuh, iaitu kejujuran, keprihatinan, ketekunan, profesionalisme dan integriti. Saya percaya bahawa penghormatan terbaik yang kami semua di PNB boleh lakukan sebagai membalas jasa beliau adalah dengan meneruskan warisan beliau untuk berusaha mencapai standard etika tertinggi dan mengekalkan kepercayaan dan keyakinan terhadap PNB dalam kalangan rakyat Malaysia. Dan dengan itu, nilai-nilai Kecekapan, Kerendahan Hati, Integriti, Cermat dan Semangat (CHIPP) memastikan kami terus berada pada landasan yang betul.

Intipati kejayaan pencapaian kami pada tahun lalu ialah kepelbagaian rakan sekerja yang bersatu dan membentuk warga kerja PNB. Saya berterima kasih kepada setiap kakitangan atas inovasi, komitmen dan dedikasi mereka terhadap tanggungjawab penting yang mereka laksanakan. Bersama-sama, kami boleh mencapai visi untuk menjadi firma pelaburan distinktif bertaraf dunia.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengiktiraf para pemegang kepentingan kami atas sokongan mereka yang tidak terhingga. Saya amat berterima kasih kepada semua ahli lembaga pengarah, syarikat-syarikat strategik kami, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Negeri, pelbagai agensi kerajaan, pengawal selia dan pemegang unit kami yang setia. Tanpa anda semua, adalah mustahil bagi PNB untuk menjadi sebuah institusi pelaburan yang berjaya pada hari ini.

Berdasarkan pencapaian kami setakat ini, saya percaya visi jitu kami untuk menjadi sebuah firma pelaburan distinktif bertaraf dunia mampu untuk dicapai. Tetapi tidak ada apa yang telah kita lakukan selama 40 tahun yang lalu atau yang akan datang, mampu kita lakukan tanpa keberkatan daripada Allah SWT.

Terima kasih,
**Abdul Wahid Omar**

# ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN



**DATO' ABDUL RAHMAN AHMAD**

PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

DENGAN SUKACITANYA SAYA MEMBENTANGKAN PRESTASI KEWANGAN DAN OPERASI PERMODALAN NASIONAL BERHAD BAGI TAHUN KEWANGAN 2017.

Sebagai sebuah syarikat pengurusan aset terkemuka di negara ini yang bertanggungjawab terhadap tabungan berjuta-juta rakyat Malaysia, kami memahami bahawa terdapat permintaan bagi ketelusan dan kebertanggungjawaban memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh PNB dalam landskap ekonomi negara dan membantu rakyat Malaysia untuk memenuhi matlamat kewangan mereka. Pihak berkepentingan, para pemegang unit dan orang awam harus diberi kefahaman mendalam mengenai operasi kami, dan yang lebih penting, rancangan strategik kami.

Kami berharap Laporan Tahunan awam yang pertama ini menyediakan ulasan yang saksama mengenai prestasi kewangan PNB serta kesan langkah-langkah yang telah dilaksanakan pada tahun lalu. Kami juga ingin mengetengahkan inisiatif-inisiatif dalam STRIVE-15, pelan strategik PNB bagi tempoh lima tahun akan datang, serta asas yang telah kami sediakan untuk mencapai visi kami untuk menjadi sebuah firma pelaburan distinktif bertaraf dunia.

# ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN



## SOROTAN PRESTASI

Berlatarkan ekonomi yang semakin berkembang dan pasaran saham yang kukuh, aset di bawah pengurusan PNB (AUM) meningkat sebanyak 4.8% tahun ke tahun kepada RM279.2 bilion pada 2017, di mana RM235.3 bilion adalah daripada dana unit amanah kami, manakala baki sebanyak RM43.9 bilion adalah daripada dana proprietari sendiri PNB. Ini merupakan peningkatan yang ketara kerana perlu diingat bahawa pada tahun 1981, tahun pertama PNB mula menguruskan wang pelaburan pemegang unit melalui dana unit amanah pertama, ASN, AUM PNB hanyalah sebanyak RM3.5 bilion.










Dari segi prestasi kewangan, pendapatan kasar proforma kumpulan PNB yang digabungkan melepasi RM20 bilion manakala pendapatan bersih proforma yang digabungkan melebihi RM17 bilion pada tahun lalu. Ini merupakan satu peningkatan besar sebanyak 16.6% bagi pendapatan kasar dan 16.4% bagi pendapatan bersih jika dibandingkan dengan pendapatan kasar dan bersih pada tahun 2016. Nisbah pulangan atas aset PNB juga meningkat kepada 6.7% pada tahun 2017 daripada 6.0% pada tahun 2016. Tahun 2017 juga menyaksikan peningkatan dalam kadar hasil kasar dalam hampir semua kelas aset, terutamanya ekuiti awam, pelaburan persendirian dan hartanah.










Pertumbuhan yang mampan dalam nilai aset boleh labur kami membuktikan komitmen kami terhadap pengurusan pelaburan yang mantap dan standard kebertanggungjawaban, ketelusan, dan etika yang tinggi dalam operasi kami. Kami semua di PNB dan kumpulan syarikat sedar bahawa kami merupakan pengendali aset yang dipegang dalam dana-dana unit amanah kami. Pemilik sebenar aset-aset ini ialah para pemegang unit kami. Dan, wang yang mereka laburkan dengan kami mewakili matlamat hidup yang penting, termasuk membeli rumah, membiayai pendidikan anak mereka, memulakan perniagaan atau membantu keluarga mereka.

Operasi unit amanah kami juga terus berkembang pada tahun 2017, dengan peningkatan jumlah bilangan unit dalam edaran dana kami meningkat sebanyak 3.5% kepada 219.7 bilion manakala jumlah akaun pula meningkat sebanyak 1.5% kepada 13.2 juta daripada 13.0 juta yang dicatatkan pada penghujung 2016.

ULASAN PRESIDEN
& KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN




# STRIVE-15 TERAS DAN INISIATIF STRATEGIK

PELAN STRATEGIK 2017-2022 PNB, JUGA DIKENALI SEBAGAI STRIVE-15 TELAH DILANCARKAN PADA NOVEMBER 2016.

Pelan ini menetapkan apa yang perlu dilakukan dalam tempoh enam tahun bagi mencapai visi kami untuk menjadi sebuah firma pelaburan distinktif bertaraf dunia, dengan sasaran AUM sebanyak RM350 bilion menjelang 2022. Pelan tindakan ini meletakkan kami di landasan yang kukuh untuk mencapai tiga keberhasilan yang meluas - meningkatkan pulangan mampan berterusan untuk portfolio PNB, meningkatkan kekayaan dan penyertaan ekonomi Bumiputera, dan menggunakan sebahagian daripada keuntungan PNB untuk inisiatif sosial yang memberi impak.

STRIVE-15 mengandungi 15 inisiatif dari tiga teras strategik: meningkatkan pulangan secara mampan, pengurusan pelaburan yang berkesan dan memacu kecemerlangan operasi. Alhamdulillah, pada tahun 2017 - tahun pertama pelaksanaan pelan tersebut - beberapa inisiatif telah terbukti berhasil, manakala kerja-kerja persediaan asas bagi inisiatif lain telah pun dimulakan untuk diteruskan pada tahun 2018 dan tahun-tahun akan datang.

## MEMBINA FIRMA PELABURAN DISTINKTIF BERTARAF DUNIA

### TERAS 1 – MENINGKATKAN PULANGAN SECARA MAMPAN

- 01 Peruntukan aset optimum
- 02 Meningkatkan Prestasi Ekuiti Domestik
- 03 Meningkatkan Pelaburan Persendirian dan Pendapatan Tetap
- 04 Menambah baik pelaburan hartanah
- 05 Meningkatkan Pelaburan Aset Global

### TERAS 2 – PENGURUSAN PELABURAN BERKESAN

- 06 Proses Pelaburan Utuh
- 07 Pengawasan Portfolio yang Cekap
- 08 Kitaran Aset Lebih Berkesan Melalui Penjualan

### TERAS 3 – MEMACU KECEMERLANGAN OPERASI

- 09 Amalan Tadbir Urus Teguh
- 10 Kekal Peneraju Industri Unit Amanah
- 11 Modal Insan Bertenaga & Berprestasi Tinggi
- 12 Transformasi Menyeluruh IT
- 13 Kecekapan Pengurusan Modal dan Kecairan
- 14 Memupuk Budaya Risiko Proaktif
- 15 Mencapai Objektif Sosial

# TERAS STRATEGIK 1:

## MENINGKATKAN PULANGAN SECARA MAMPAN

Teras strategik pertama adalah untuk meningkatkan potensi pulangan portfolio pelaburan kami. Titik permulaannya adalah dengan mengoptimumkan peruntukan aset kami, kerana ini diakui secara meluas sebagai penentu kritikal bagi prestasi portfolio jangka panjang. Untuk tujuan ini, pada 2017, Lembaga Pengarah PNB meluluskan Rangka Kerja Peruntukan Aset Strategik (SAA), yang didorong oleh sebuah pasukan SAA yang berdedikasi dan berpusat yang baharu ditubuhkan.

Pendekatan SAA tersebut berpusat di sekitar kerjasama silang di seluruh organisasi untuk membangunkan secara kolektif objektif pelaburan yang sesuai, sasaran pulangan dan toleransi risiko bagi setiap dana. Sebagai sebahagian daripada Rangka Kerja SAA, ini melibatkan penetapan peruntukan dan sasaran penggunaan yang optimum di semua kelas aset untuk jangka pendek dan jangka panjang.

Ini memastikan bahawa keputusan peruntukan dicapai setelah melalui proses analisis yang lebih teguh, dengan pandangan yang lebih baik mengenai faktor yang mendorong risiko dan pulangan yang dijangkakan dalam semua kelas aset. Hasilnya, portfolio kami diberi kedudukan yang lebih baik untuk memaksimumkan manfaat kepelbagaian ke arah mencapai keseimbangan risiko dan pulangan yang optimum, dengan itu menetapkan aras bagi pulangan mampan yang berterusan pada tahun-tahun akan datang.

PERUNTUKAN ASET STRATEGIK

JANGKA PANJANG

PERUNTUKAN ASET DINAMIK

JANGKA SEDERHANA

KECENDERUNGAN TAKTIKAL

JANGKA PENDEK

### MERANGSANGKAN PRESTASI EKUITI AWAM DOMESTIK

Dalam kalangan kelas aset, kebiasaannya perhatian kami ditumpukan kepada ekuiti awam terlebih dahulu, yang merupakan sebahagian besar daripada portfolio kami, dan secara tradisinya adalah di mana kami memperoleh pengalaman yang paling banyak dan sumber yang paling besar, lantaran mandat penubuhan asal kami adalah untuk meningkatkan pemilikan ekuiti korporat. Kami merupakan pemegang saham majoriti dalam beberapa syarikat tersenarai terbesar di negara ini, dan dengan lebih daripada RM198.0 bilion dilaburkan dalam ekuiti awam, portfolio ekuiti awam domestik PNB bersamaan dengan 10.4% daripada jumlah permodalan pasaran Bursa Malaysia sebanyak RM1,906.8 bilion pada penghujung tahun lalu.

Pada tahun 2017, tumpuan PNB dalam ekuiti awam adalah untuk meningkatkan prestasi syarikat strategik kami. Matlamat mudah dalam fikiran kami adalah untuk menggalakkan syarikat-syarikat tersebut memberi tumpuan kepada aktiviti teras perniagaan masing-masing, untuk merungkai nilai potensi sebenar setiap perniagaan. Untuk tujuan ini, penstrukturan semula konglomerat kepada entiti khusus memudahkan fokus utama ini dan membolehkan prestasi syarikat ditanda aras dengan syarikat lain yang setara dalam industri yang sama. Ini juga menggalakkan lebih kebertanggungjawaban dan ketelusan bagi setiap syarikat.

Syarikat-syarikat strategik kami melaksanakan tiga penstrukturan korporat utama sepanjang tahun 2017 yang sejajar dengan matlamat ini, seterusnya meningkatkan jumlah syarikat strategik kami daripada enam kepada 10 menjelang akhir tahun:



1 Penyahgabungan Sime Darby Berhad (Sime Darby), yang diumumkan pada bulan Januari, dan selesai pada bulan November dengan entiti khusus baharu - Sime Darby Plantation Berhad (Sime Plantation) dan Sime Darby Property Berhad (Sime Property) - menyertai bekas syarikat induk mereka yang kini lebih sederhana saiznya di Pasaran Utama Bursa Malaysia. Ini membolehkan ketiga-tiga syarikat tersebut masing-masing memberi tumpuan kepada bidang perniagaan teras mereka iaitu automotif, perindustrian dan penjagaan kesihatan; perladangan; dan pembangunan hartanah.

Sime Darby | Sime Darby Plantation | Sime Darby Property

2 Penyahgabungan UMW Holdings Berhad (UMW Holdings) dan UMW Oil & Gas Corporation Berhad (UMW Oil & Gas), yang juga diumumkan pada bulan Januari dan kemudiannya dimuktamadkan pada bulan Mei, membolehkan UMW Holdings memberi tumpuan kepada bidang perniagaan terasnya - automotif; jentera berat serta pembuatan dan kejuruteraan. Ini kemudian diikuti oleh permodalan dan pembiayaan semula untuk UMW Oil & Gas, yang meletakkannya pada kedudukan kewangan yang lebih kukuh untuk memenuhi cabaran semasa yang dihadapi oleh industri minyak & gas global, dan menempatkannya pada kedudukan yang sesuai untuk pertumbuhan masa hadapan.

UMW | UMW OIL & GAS

3 Penyahgabungan Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) dan CCM Duopharma Biotech Berhad (Duopharma), yang diumumkan pada bulan Ogos dan dimuktamadkan pada akhir bulan Disember. Kini, sebagai entiti yang berasingan, CCM boleh menumpukan perhatian untuk mengembangkan perniagaan produk kimia dan salutan polimer manakala Duopharma boleh memberi tumpuan kepada pembangunan, pembuatan dan pemasaran ubat generik dan produk farmaseutikal berjenama.

ccm | ccm CCM DUOPHARMA BIOTECH BERHAD

# ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

Oleh itu, kami sangat bersyukur apabila pasaran memberi reaksi positif kepada usaha yang dilaksanakan oleh syarikat strategik kami, dengan peningkatan jumlah nilai pasaran 10 syarikat tersebut sebanyak RM39.5 bilion pada tahun 2017, menghasilkan jumlah purata pulangan berwajaran pemegang saham (TSR) sebanyak 26.0%, hampir dua kali ganda daripada TSR FTSE Bursa Malaysia KLCI (KLCI) sebanyak 13.2%. Syarikat strategik ini menunjukkan prestasi TSR yang kukuh dan dengan itu mencatatkan keuntungan besar dalam nilai pasaran sepanjang tahun ini, yang sememangnya telah meningkatkan nilai pelaburan ekuiti awam PNB.

| Setakat 29 Dis 2017 | Peruntukan harga (%) | TSR (%) | Peningkatan dalam Permodalan Pasaran (RM bil) |
|---|---|---|---|
| Maybank | + 19.5 | + 26.7 | + 21.9 |
| Sime Darby Property, Sime Darby, Sime Darby Plantation | + 23.3 | + 26.1 | + 12.9 |
| Setia | + 27.8 | + 38.5 | + 3.2 |
| UMW | + 13.8 | + 23.1 | + 0.7 |
| UMW Oil & Gas | - 65.1 | - 64.3 | + 0.6 |
| ccm | + 79.4 | + 82.4 | - 0.1 |
| ccm CCM Duopharma Biotech Berhad | + 27.8 | + 31.5 | + 0.2 |
| MNRB | + 16.2 | + 16.2 | + 0.1 |
| **Purata Berwajaran** | **+ 20.2** | **+ 26.0** | **+ 39.5** |
| **KLCI** | 9.4% | 13.2% | 1,797/1,642 |

*Nota: Sime Darby berdasarkan agregat ringkas tiga syarikat khusus; peningkatan permodalan pasaran UMW Oil & Gas disebabkan oleh pelaksanaan permodalan semula; pengurangan permodalan pasaran CCM disebabkan oleh penggabungan saham*



## PENINGKATAN PENDEDAHAN DALAM EKUITI PERSENDIRIAN DAN PENDAPATAN TETAP

Di bawah STRIVE-15, PNB berhasrat untuk terus melaksanakan kepelbagaian portfolio yang lebih besar dan mengukuhkan hasil portfolio dengan meningkatkan peruntukan kami dalam pelaburan persendirian dan menggunakan sebahagian daripada rizab tunai kami untuk instrumen pendapatan tetap.

Dari segi pendapatan tetap, sejumlah RM4.2 bilion telah digunakan untuk memperoleh bon tempatan pada tahun 2017, yang bukan sahaja membolehkan kami meningkatkan hasil yang diperoleh daripada tunai yang tidak digunakan, tetapi juga membantu menyokong pasaran bon tempatan. Ini meningkatkan peruntukan pendapatan tetap PNB kepada 5.8% pada tahun 2017 daripada 4.4% pada tahun 2016. Oleh sebab itu, peruntukan untuk tunai dalam portfolio pelaburan PNB menurun kepada 18.6% pada tahun 2017 daripada 20.4% pada tahun 2016.

2017 juga menyaksikan penambahan ketara dalam portfolio pelaburan persendirian kami dengan pengambilalihan Sistem Lingkaran-Lebuhraya Kajang Sdn Bhd berjumlah RM380 juta. Dengan pengambilalihan ini, PNB dapat mengukuhkan lagi aset infrastruktur Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLINTAS) milik penuh kami, dengan Lebuhraya SILK, yang merupakan lebuh raya terpanjang dalam portfolionya, sebagai sebahagian daripada usaha menyeluruh PNB untuk menstruktur semula PROLINTAS dan meningkatkan profilnya untuk penyenaraian yang telah dirancang. Walau bagaimanapun, peruntukan keseluruhan untuk pelaburan persendirian sebenarnya menurun kepada 1.9% berbanding 2.6% pada 2016, disebabkan oleh penjualan pegangan kepentingan kami dalam I & P Group Sdn Bhd (I&P). Kami tetap berpuas hati kerana pada tahun 2017 kami berjaya merumuskan Rangka Kerja Pelaburan Persendirian untuk memformalkan pendekatan PNB untuk kelas aset ini, yang memanfaatkan pengalaman luas kami melalui firma ekuiti persendirian kami, PNB Equity Resource Corporation, serta tambahan peluang dan keupayaan untuk mempertingkatkan tahap pendedahan kami, untuk masa akan datang.






## MERASIONALISASI DAN MENGUKUHKAN PELABURAN HARTANAH

Portfolio hartanah PNB merangkumi keseluruhan spektrum kelas aset, dari pengumpulan dan pembangunan tanah kepada hartanah pelaburan, REIT dan hospitaliti, dengan potensi untuk menjana pendapatan sewa jangka panjang yang stabil dan pulangan modal yang besar dari semasa ke semasa. Dalam hal ini tumpuan STRIVE-15 adalah untuk menyatukan dan merasionalkan pelaburan hartanah PNB yang besar, dan dengan itu membolehkan kami untuk merealisasikan keuntungan dari aset matang dan meningkatkan lagi hasil dari sumber yang lain.

Untuk tujuan ini, pada tahun 2017, PNB berjaya melupuskan pelaburannya di Santos Place, sebuah bangunan pejabat hijau premium di Brisbane, Australia, yang kami peroleh pada tahun 2010 dengan harga AUD290 juta. Harga jualan AUD370 juta atau AUD999 sekaki persegi adalah harga sekaki persegi tertinggi bagi hartanah pejabat komersial yang didagangkan di Brisbane dalam tempoh dua tahun yang lalu.

Pada akhir tahun lalu, kami juga menggabungkan dua syarikat hartanah terbesar kami: S P Setia Berhad (S P Setia) dan I&P. I&P yang merupakan hasil penggabungan antara Island and Peninsular Berhad, Pelangi Berhad dan Petaling Garden Berhad pada tahun 2009, telah dijual kepada S P Setia pada harga RM3.65 bilion. Pengambilalihan ini menggandakan simpanan tanah S P Setia kepada hampir 10,000 ekar dan menempatkan syarikat tersebut pada kedudukan yang teguh untuk mempercepatkan pelan pengembangannya.

2017 turut menyaksikan S P Setia memperluaskan lagi simpanan tanah menerusi pengambilalihan tanah Bangi Estate pada harga RM448 juta daripada anak syarikat PNB Development Sdn Bhd, syarikat pengumpulan tanah PNB. Tanah Bangi Estate berkeluasan kira-kira 342.5 ekar dan boleh diakses melalui beberapa lebuh raya utama termasuk Lebuhraya Utara Selatan, Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS) dan Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE). Tanah ini yang terletak di Bangi mempunyai potensi untuk perbandaran pembangunan bercampur dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM2.74 bilion. PNB Development sendiri turut mengambil peluang untuk menggabungkan pemilikannya ke atas Seriemas Development Sdn Bhd, pemaju Kota Seriemas di Nilai, Negeri Sembilan, dengan memperoleh baki pegangan 40% dari Sime Property dengan harga RM625 juta.

Urus niaga tersebut adalah contoh nilai sinergi yang kami telah usahakan untuk merealisasikan pelbagai entiti berkaitan hartanah dalam kalangan portfolio PNB yang pelbagai.

ULASAN PRESIDEN
& KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN




# TERAS STRATEGIK 2 & 3:

## PENGURUSAN PELABURAN BERKESAN & MEMACU KECEMERLANGAN OPERASI

Jika teras pertama STRIVE-15 adalah untuk meningkatkan pulangan daripada pelaburan kami, teras kedua dan ketiga STRIVE-15 adalah tertumpu kepada peletakan pemangkin yang sesuai di seluruh organisasi yang akan menyokong usaha PNB untuk menjana pulangan. Bagi memastikan pengurusan pelaburan yang berkesan, pada tahun 2017, PNB berusaha untuk memanfaatkan proses pelaburannya yang sudah sedia mantap dengan meningkatkan lagi pengesanan dan kebertanggungjawaban untuk prestasi setiap kelas aset dalam portfolio, serta menekankan keinginan untuk merungkai nilai dengan meraih keuntungan dari pelaburan jangka panjang dan mengitar semula modal untuk membiayai pengambilalihan seterusnya, seperti yang dapat dilihat dari aktiviti yang dinyatakan di bawah teras pertama di atas.

Bagi teras ketiga STRIVE-15, usaha PNB pada tahun 2017 dapat diringkaskan di bawah empat tema utama. Pertama, sebagai sebahagian daripada matlamat kami untuk memastikan PNB dapat terus mengekalkan kedudukan utama dalam industri unit amanah tempatan, 2017 menyaksikan kami mengambil langkah konkrit pertama untuk menyediakan pengalaman pelanggan digital sepenuhnya untuk pemegang unit kami. Kami sangat gembira dengan kejayaan penghijrahan sistem unit amanah kami, yang membolehkan kami memperkenalkan lelaran pertama portal dalam talian kami sendiri, myASNB dan juga untuk beralih daripada buku pelaburan fizikal kepada transaksi dan laporan tanpa kertas. Kami juga berkongsi kegembiraan Pengerusi Kumpulan kami atas status Harus yang diberikan kepada dana kami oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan Pulau Pinang. Ini adalah pencapaian utama kami dalam memenuhi aspirasi Syariah pemegang unit kami.

Kedua, 2017 menyaksikan satu lagi pencapaian penting dari segi amalan pengurusan risiko PNB, apabila Rangka Kerja Pengurusan Risiko Urus Niaga kami berjaya disiapkan, hasil dari kerja keras selama beberapa tahun. Memupuk budaya risiko yang proaktif adalah satu kemestian bagi organisasi pelaburan hari ini, dengan menghayati pengajaran, antara lainnya, dari Krisis Kewangan Asia dan Krisis Kewangan Global. Oleh itu, kami sangat gembira Rangka Kerja yang komprehensif ini, meliputi komponen utama seperti tadbir urus risiko, pemantauan, ujian tekanan dan kesinambungan perniagaan kini telah diwujudkan. Menyedari peranan kami sebagai pengendali aset yang diamanahkan ke atas kami, PNB sentiasa mengamalkan pendekatan pelaburan yang berhati-hati. Pelaksanaan ini, melalui Rangka Kerja tersebut akan membantu kami untuk terus memelihara nilai pelaburan pemegang unit seperti yang sentiasa kami lakukan.

Ketiga, menyedari bahawa bakat adalah tulang belakang bagi mana-mana syarikat, selain daripada usaha berterusan untuk memastikan cadangan nilai warga kerja PNB masih menarik untuk bakat dalaman dan luaran, kami juga memperkenalkan Cabaran Inovasi PNB pada tahun 2017 untuk mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada idea yang benar-benar inovatif yang disumbangkan oleh tenaga kerja kami. Pertandingan ini, berkembang dari pertandingan berasaskan kualiti sebelum ini yang telah berlangsung selama 16 tahun, mengajak para pekerja untuk mengutarakan idea-idea yang boleh mewujudkan peningkatan bernas dalam operasi perniagaan atau persekitaran kerja. Sejumlah 151 idea diterima daripada rakan sekerja PNB tahun ini, diutarakan secara berpasukan atau secara individu. Di peringkat akhir Cabaran Inovasi Kumpulan PNB 2017, kemudiannya menyaksikan idea-idea daripada tiga pasukan teratas PNB bersaing dengan idea-idea daripada syarikat-syarikat strategik PNB. Kami percaya bahawa persaingan ini mendorong bakat kami untuk berinovasi. Dan kami berharap dapat memperoleh inspirasi daripada lebih banyak idea yang akan dibentangkan dalam Cabaran Inovasi PNB dan Kumpulan pada tahun ini.

Akhir sekali, PNB terus melaksanakan objektif sosialnya pada 2017. Di samping kemajuan pesat yang ditunjukkan oleh Program Akauntan Bertauliah PNB dan Rumah Mampu Milik PNB, kami terus memberikan biasiswa kepada lebih 500 bakat muda untuk melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti terkemuka di United Kingdom, Australia dan tempatan, menjadikan jumlah biasiswa yang diberikan sejak penubuhan program ini pada tahun 1996 kepada 3,303. Acara utama celik kewangan tahunan kami, Minggu Saham Amanah Malaysia, juga menyaksikan kejayaan edisi ke-18nya yang diadakan di Temerloh, Pahang, dengan kehadiran 208,000 pengunjung, menjadikan jumlah rakyat Malaysia yang telah menyertai acara tersebut di seluruh negara sejak tahun 2000 kepada 3.6 juta orang.




PNB
Permodalan Nasional Berhad
40
TAHUN
MEMBINA NEGARA

## ULANG TAHUN DAN ASPIRASI

PNB akan menyambut ulang tahun yang ke-40nya pada tahun ini. Tidak sempurna sekiranya kami tidak memberi penghormatan kepada pengerusi pertama PNB, Allahyarham Tun Ismail Mohamed Ali, yang merupakan seorang tokoh yang berintegriti dan bijaksana. Kami sangat berbangga dapat berkhidmat dengan institusi yang telah mendapat sentuhan beliau dalam penubuhannya.

Kami percaya budaya dan disiplin yang dipupuk oleh Tun Ismail di PNB pada tahun 1978 telah membolehkannya mencapai pulangan yang mampan dan berjaya mengekalkan kepercayaan para pemegang unit kami. Dengan sokongan asas yang kukuh ini, kami semua di PNB akan terus berusaha untuk menjana pulangan terbaik dengan wang yang telah diamanahkan kepada kami.

Ketika kami meraikan ulang tahun PNB, aspirasi kami adalah agar lebih ramai rakyat Malaysia akan memanfaatkan keupayaan dan kepakaran kami untuk memenuhi objektif kewangan mereka. Skim khas telah disediakan pada 2017 untuk menggalakkan lebih banyak isi rumah untuk mula menabung demi masa depan mereka.

Skim-skim tersebut adalah Amanah Dana Anak Malaysia 2050 atau ADAM50, yang memberikan 200 unit percuma kepada semua bayi di Malaysia yang lahir antara 1 Januari 2018 dan 31 Disember 2022, skim pinjaman bebas faedah khas bagi isi rumah kaum India berpendapatan rendah dan peruntukan tambahan sebanyak RM1.5 bilion bagi kaum India untuk melabur dalam Amanah Saham 1Malaysia sehingga RM30,000 bagi setiap pelabur. Kami sangat berharap skim baharu ini akan menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia melabur dengan kami.

# ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

## SEKALUNG PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pemegang amanah Yayasan Pelaburan Bumiputra dan Lembaga Pengarah PNB atas keyakinan dan kepercayaan yang diberikan kepada saya, dan pelantikan saya sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan untuk menyambung peninggalan pendahulu saya. Ini merupakan tugas yang besar tetapi dengan bimbingan daripada Pengerusi Kumpulan, Tan Sri Wahid, Insya Allah PNB akan terus berkembang maju ke fasa seterusnya. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Lembaga Pengarah PNB, terutamanya Tan Sri Wahid, atas bimbingan dan nasihat mereka ketika kami bersama-sama mengharungi pelaksanaan STRIVE-15.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada bekas Pengerusi, Yang Amat Berbahagia Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, dan bekas Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, Yang Berbahagia Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman, yang sangat saya hormati. Meneruskan usaha para pelopor dan pemimpin PNB terdahulu daripada mereka, kedua-dua tokoh ini menjadi tunggak bagi institusi ini untuk terus menjana pulangan yang tinggi tahun demi tahun untuk para pemegang unit.

Kepada para pengarah yang telah bersara dari Lembaga Pengarah PNB tahun lalu; Tan Sri Asmat Kamaluddin, Tan Sri Amar Bujang Mohammed Bujang Mohammed Nor, Tan Sri Ainum Mohamed Saaid dan Tan Sri Dato' Seri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin; bekas Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah PNB; Dato' Dr. Abdul Halim Ismail; dan bekas ahli Jawatankuasa Pelaburan Amanah Saham Wawasan 2020; Tan Sri Faizah Mohd Tahir, Dato' Wan Roshdi Wan Musa dan Encik Cheng Kee Check; saya amat berterima kasih atas sumbangan mereka sepanjang tempoh perkhidmatan.

Saya juga ingin mengalu-alukan Pengarah PNB yang baharu - Tan Sri Zarinah Anwar, Datuk Dr. Awang Adek Hussin, Datuk Dr. Mohd. Yaakub Johari dan Tuan Haji Soedirman Aini; serta Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali, Datuk Seri Dr Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani dan Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood yang menyertai lembaga pengarah ASNB, Datuk Dr. Mohd Daud Bakar yang dilantik ke Jawatankuasa Pelaburan PNB dan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah PNB, dan juga ahli terkini Jawatankuasa Penasihat Syariah, Dr. Aida Othman. Saya berterima kasih atas kerjasama dan bimbingan anda sepanjang tahun lalu, dan saya teruja menantikan tahun-tahun mendatang.

Ribuan terima kasih juga kepada semua Rakan Sekerja saya di PNB - anda semua telah berusaha untuk memenuhi jangkaan tinggi daripada para pemegang unit dan pihak berkepentingan kita. Saya sedar bahawa ramai dalam kalangan anda yang pulang lewat dan terpaksa bekerja pada hujung minggu dan cuti umum untuk menjayakan inisiatif kita. Ada juga yang terpaksa bekerja pada Hari Raya tahun lalu untuk memuktamadkan pemindahan IT dan saya amat menghargai usaha gigih anda. Terima kasih juga kepada setiap kakitangan atas dedikasi anda, keinginan anda untuk mencapai kecemerlangan, dan memberikan yang terbaik pada setiap masa, dan saya berharap akan diteruskan pada masa hadapan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 13 juta pemegang unit kami. Di kala kami terus berusaha untuk memastikan kejayaan jangka panjang dana-dana kami, kami ingin meyakinkan anda semua bahawa kami menggalas tanggungjawab ini dengan bersungguh-sungguh dan akan bertindak secara bijak dan berhati-hati dalam setiap perkara yang kami lakukan.

Cabaran-cabaran yang mendatang adalah sukar tetapi hala tuju kami adalah jelas dan kami sedar akan langkah-langkah yang perlu diambil. Saya amat berterima kasih atas kepercayaan dan keyakinan anda dan berharap dapat maju ke hadapan bersama anda untuk mencapai matlamat pelan STRIVE-15, Insya Allah.

Yang ikhlas,
**Abdul Rahman Ahmad**



# PORTFOLIO ASET

## EKUITI AWAM

Daripada hampir 200 syarikat yang tersenarai yang menerima pelaburan PNB, syarikat di mana PNB memegang saham majoriti atau mengawal kepentingan adalah dianggap sebagai syarikat strategik PNB manakala syarikat di mana PNB mempunyai lebih daripada 10% pegangan saham, atau pendedahan lebih daripada RM1 bilion, dianggap sebagai syarikat terasnya.

Bilangan syarikat strategik PNB berkembang daripada enam hingga 10 syarikat sepanjang tahun 2017 berikutan pelaksanaan penyusunan semula korporat untuk mewujudkan entiti dengan pengkhususan tertentu. Syarikat-syarikat strategik ini mewakili permodalan pasaran gabungan sebanyak RM195.9 bilion pada 29 Disember 2017.




## PELABURAN PERSENDIRIAN

Pelaburan persendirian telah menjadi sebahagian daripada portfolio PNB sejak penubuhan. Hari ini, portfolio pelaburan persendirian terdiri daripada pelaburan langsung dalam syarikat persendirian sama ada dalam bentuk mengawal kepentingan atau pemilikan saham minoriti, serta pelaburan tidak langsung melalui dana ekuiti persendirian yang diuruskan dari luar.

## HARTANAH

Portfolio hartanah PNB yang meluas termasuk pelbagai bank tanah terutamanya di wilayah tengah, sebilangan hartanah pelaburan komersial di dalam negara dan di United Kingdom, serta beberapa hotel dan pusat peranginan di seluruh Malaysia. PNB juga sedang menjalankan pembangunan ikonik di tapak bersejarah di tengah-tengah Kuala Lumpur - PNB 118.

Kami berharap muka surat berikutnya akan memberi gambaran jelas mengenai portfolio keseluruhan kelas aset PNB.

# EKUITI AWAM - SYARIKAT STRATEGIK

## MALAYAN BANKING BERHAD

Malayan Banking Berhad (Maybank) adalah antara kumpulan perbankan terkemuka di Asia dan bank ke-empat terbesar di Asia Tenggara mengikut aset. Ia juga merupakan syarikat tersenarai yang terbesar di Bursa Malaysia dan satu-satunya dengan permodalan pasaran melebihi RM100 bilion.

Kumpulan Maybank mempunyai rangkaian antarabangsa sebanyak 2,400 pejabat di 20 negara iaitu Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam, Vietnam, Kemboja, Thailand, Hong Kong SAR & Republik Rakyat China, Bahrain, Uzbekistan, Myanmar, Laos, Pakistan, India, Arab Saudi, Mauritius, Great Britain dan Amerika Syarikat. Kumpulan ini mempunyai lebih 43,000 kakitangan di seluruh dunia dan menawarkan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan, termasuk perbankan pengguna dan korporat, perbankan pelaburan, perbankan Islam, pembrokeran saham, insurans dan takaful, dan pengurusan aset. Sepanjang 58 tahun yang lalu, Kumpulan ini telah diiktiraf atas inovasi dan komitmennya untuk mencapai kecemerlangan, dan telah menerima pelbagai anugerah sebagai bukti pencapaian ini.




TKB17
31 Dis

| PENDAPATAN OPERASI BERSIH | PATMI | PERMODALAN PASARAN | PEGANGAN SAHAM |
|---|---|---|---|
| RM23.3bilion | RM7.5bilion | RM105.5bilion | 48% |

# SIME DARBY BERHAD

Pada tahun 2017, Sime Darby Berhad (Sime Darby) telah berjaya melaksanakan strategi pengkhususan jenis perniagaan yang melibatkan pewujudan tiga entiti tersenarai berasingan dan bebas - Sime Darby, Sime Darby Plantation Berhad dan Sime Darby Property Berhad, di Bursa Malaysia.

Sime Darby merupakan syarikat perdagangan dan logistik di peringkat global, dengan perniagaan teras dalam sektor perindustrian, permotoran dan logistik, serta segmen penjagaan kesihatan, insurans dan runcit. Syarikat ini memiliki tenaga kerja melebihi 20,000 kakitangan di 18 negara dan wilayah di seluruh Asia Pasifik.



| TKB17* 30 Jun | HASIL | PATMI | PERMODALAN PASARAN | PEGANGAN SAHAM |
|---|---|---|---|---|
| | RM31.1bilion | RM615.0juta | RM15.0bilion | 52% |

*Bagi operasi berterusan

## EKUITI AWAM - SYARIKAT STRATEGIK

Sime Darby Plantation

# SIME DARBY PLANTATION BERHAD

Sime Darby Plantation Berhad (Sime Plantation) disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 30 November 2017, sejajar dengan pewujudan syarikat ikonik pengkhususan jenis perniagaan oleh Sime Darby Berhad.

Ia merupakan syarikat perladangan kelapa sawit terbesar di dunia mengikut kawasan penanaman dan pengeluar Minyak Sawit Disahkan Mampan yang terbesar di dunia. Sebagai sebuah syarikat perladangan bersepadu di peringkat global, Sime Plantation terlibat dalam pelbagai rangkaian penuh rantaian nilai minyak sawit, dari aktiviti huluan hingga hiliran, R&D, tenaga diperbaharui serta perniagaan pertanian lain.

Dengan tumpuan yang tinggi terhadap kecemerlangan operasi, R&D, inovasi dan kemampanan, Sime Plantation menjadi syarikat Malaysia pertama yang menerima Anugerah Edison yang terkenal di dunia untuk Kelestarian pada tahun 2017. Anugerah ini diterima sebagai pengiktirafan GenomeSelect™ Perladangan SD – bahan penanaman yang berpotensi untuk meningkatkan hasil minyak sawit dengan ketara di atas tanah yang sedia ada yang bersamaan dengan 50,000 hektar tanah baharu, tanpa perlu meningkatkan hektar tanaman.



| TKB17 30 Jun | HASIL | PATMI | PERMODALAN PASARAN | PEGANGAN SAHAM |
|---|---|---|---|---|
| | RM14.8bilion | RM3.5bilion | RM40.8bilion | 54% |

# SIME DARBY PROPERTY BERHAD

Sime Darby Property Berhad (Sime Property) disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 30 November 2017, berikutan pewujudan pengkhususan jenis perniagaan ikonik oleh Sime Darby Berhad.

Ia mempunyai rekod prestasi yang baik selama 45 tahun dalam pembangunan hartanah, dengan 25 perbandaran aktif dan pembinaan yang dibangunkannya sehingga kini. Ia mempunyai kawasan tanah yang mampu dibangunkan seluas 20,763 ekar dan nilai pembangunan kasar (GDV) yang dianggarkan berjumlah RM100.4 bilion. Ia juga merupakan sebahagian daripada konsortium di Malaysia yang menerajui pembangunan semula Battersea Power Station di London.

Sime Property memenangi Emas untuk kali ke-8 berturut-turut di Anugerah Brand Putra 2017 dan juga telah diiktiraf antara syarikat pembinaan terbaik di Malaysia di Anugerah Syarikat Pembangunan Hartanah Terbaik The Edge, yang diterimanya secara berterusan sejak tahun 2009.

Bandar Elmina melambangkan simbol cadangan nilai Sime Property yang unik dalam pembangunan masyarakat yang mampan. Pembangunan Bandar Elmina merupakan sebahagian daripada pelan induk Sime Property untuk memaksimumkan potensi penggunaan ruang hijau, kawasan kediaman mampu milik dan mampan, keterhubungan yang amat baik, serta sebuah bandar pintar dan selamat.



| TKB17* 30 Jun | HASIL | PATMI | PERMODALAN PASARAN | PEGANGAN SAHAM |
|---|---|---|---|---|
| | RM2.7 bilion | RM607.9 juta | RM12.1 bilion | 55% |

*Bagi operasi berterusan

## EKUITI AWAM - SYARIKAT STRATEGIK

# S P SETIA BERHAD

S P Setia Berhad (S P Setia) merupakan syarikat pengkhususan jenis perniagaan No. 1 dan syarikat pemaju hartanah kediaman terbesar di Malaysia. Ia merupakan satu-satunya syarikat pemaju hartanah yang berada di kedudukan Syarikat Pembinaan No. 1 Malaysia sebanyak 10 kali dan telah menerima 7 Anugerah FIABCI Prix d'Excellence. Projek pembangunan di peringkat globalnya termasuk Vietnam, Australia, Singapura, China dan United Kingdom.

Pada tahun 2017, S P Setia menyempurnakan pengambilalihan sinergistik terhadap Kumpulan I&P, yang meningkatkan keluasan tanah miliknya kepada 9,606 ekar dengan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM128 billion.

Pencapaian unggul terbaru termasuk kejayaan penjenamaan Sapphire by the Gardens bersama hotel 5 bintang antarabangsa Shangri-La Hotel di Melbourne serta penyenaraiannya dalam Indeks MSCI Malaysia.



| TKB17 30 Dis | HASIL | PATMI | PERMODALAN PASARAN | PEGANGAN SAHAM |
|---|---|---|---|---|
| | RM4.5bilion | RM849.5juta | RM12.1bilion | 65% |

# UMW HOLDINGS BERHAD

Kumpulan UMW merupakan peneraju dalam rangkaian sektor pelbagai, termasuk automotif, peralatan, pengilangan dan kejuruteraan. Kumpulan yang bertapak di peringkat antarabangsa di Singapura, Vietnam, Papua New Guinea, Myanmar, Indonesia, India dan China ini juga telah meneroka pelaburan mangkin dalam bidang teknologi dan hartanah.

Pada tahun 2017, UMW Holdings Berhad (UMW) telah menyempurnakan penyahgabungan dengan UMW Oil & Gas Corporation Berhad untuk membolehkannya menumpu kepada perniagaan teras.

UMW telah memperoleh beberapa pencapaian penting baru-baru ini, bersempena dengan sambutan ulang tahunnya yang keseratus pada 2017. Ia mengeluarkan selongsong kipas Trent 1000 pertamanya kepada Rolls-Royce pada suku tahun terakhir 2017. UMW juga merupakan syarikat tempatan pertama yang bertindak sebagai pembekal aeroangkasa tahap satu dengan perjanjian 25+5 tahun untuk mengilangkan selongsong kipas untuk enjin aero Trent 1000 dan Trent 7000. Pada masa yang sama, pembangunan kawasan industri khusus untuk Pengilangan Bernilai Tinggi (HVM) industri aeroangkasa sedang giat dijalankan di Serendah.




| TKB17* 30 Dis - Belum diaudit | HASIL | PBT | PERMODALAN PASARAN | PEGANGAN SAHAM |
|---|---|---|---|---|
| | RM11.0bilion | RM252.9juta | RM6.1bilion | 58% |

*Bagi operasi berterusan

## EKUITI AWAM - SYARIKAT STRATEGIK

# UMW OIL & GAS CORPORATION BERHAD

UMW Oil & Gas Corporation Berhad (UMW-OG) merupakan penyedia perkhidmatan penggerudian dan medan minyak global yang berpangkalan di Malaysia untuk sektor huluan industri minyak dan gas. UMW-OG menyediakan perkhidmatan penggerudian, kerja baik pulih dan perkhidmatan lain dalam kerja cari gali, pembangunan dan pengeluaran telaga minyak di Malaysia dan Asia Tenggara menerusi pasukan penggerudian luar pesisirnya serta unit cari gali hidraulik.

Tahun 2017 menyaksikan UMW-OG menjalani penstrukturan korporat besar-besaran yang melibatkan penyahgabungan dengan UMW Holdings Berhad dan seterusnya mengubah struktur permodalan yang terdiri daripada penerbitan hak dan pembiayaan semula hutang sedia ada. Pelaksanaan ini telah mengukuhkan asas kewangan syarikat dan meningkatkan kedudukannya. Hasil pelaksanaan ini juga menjadikan PNB sebagai pemegang saham utama UMW-OG.



**TKB17***
30 Dis - Belum diaudit

| HASIL | EBITDA | PERMODALAN PASARAN | PEGANGAN SAHAM |
|---|---|---|---|
| RM586.5juta | RM234.9juta | RM2.5bilion | 64% |

*Bagi operasi berterusan

# CHEMICAL COMPANY OF MALAYSIA BERHAD

Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) merupakan salah sebuah pengilang utama bahan-bahan kimia dan saduran polimer dalam negara. Misinya adalah untuk menyediakan penyelesaian yang inovatif berasaskan sains dan teknologi kepada pengguna menerusi rangkaian produk dan perkhidmatannya yang meluas.

Pada tahun 2017, CCM menyempurnakan proses penyahgabungan dengan CCM Duopharma Biotech Berhad (Duopharma). Inisiatif ini merupakan lanjutan daripada kajian strategik CCM yang bermula pada 2015 untuk menempatkan semua perniagaan farmaseutikal di bawah naungan Duopharma untuk bebas daripada segmen perniagaan tidak berfungsi dan mengukuhkan kedudukan kewangannya. Ini dapat memberikan syarikat kemampuan yang mencukupi untuk meneruskan pengembangan modal dan strategi pertumbuhan yang mampan untuk masa depan.




| TKB17* 30 Dis - Belum diaudit | HASIL | EBITDA | PERMODALAN PASARAN | PEGANGAN SAHAM |
|---|---|---|---|---|
| | RM370.7juta | RM54.5juta | RM308.4juta | 65% |

*Bagi operasi berterusan

## EKUITI AWAM - SYARIKAT STRATEGIK

**CCM DUOPHARMA BIOTECH BERHAD**

# CCM DUOPHARMA BIOTECH BERHAD

CCM Duopharma Biotech Berhad (Duopharma) disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia, di mana PNB menjadi pemegang saham utamanya berikutan penyahgabungan Duopharma dengan Chemical Company of Malaysia Berhad pada Disember 2017.

Duopharma merupakan pengilang farmaseutikal utama di Malaysia dan serantau, yang terlibat dalam pembangunan, pengilangan dan pemasaran ubat-ubatan generik dan penjagaan kesihatan pengguna. Duopharma merupakan syarikat farmaseutikal pertama yang menerima Sijil Farmaseutikal Halal menurut Piawaian Farmaseutikal Halal MS 2424:2012 yang pertama di dunia.

Didorong oleh pengalaman yang luas serta rekod cemerlang dalam industri farmaseutikal, syarikat ini bercita-cita untuk menjadi peneraju syarikat farmaseutikal ASEAN.



**TKB17***
30 Dis - Belum diaudit

| HASIL | PATMI | PERMODALAN PASARAN | PEGANGAN SAHAM |
|---|---|---|---|
| RM468.0juta | RM42.5juta | RM705.8juta | 51% |

EKUITI AWAM - SYARIKAT STRATEGIK

# MNRB HOLDINGS BERHAD

Kumpulan MNRB terdiri daripada penyedia utama insurans semula am dan takaful semula am, antaranya Malaysian Reinsurance Berhad (Malaysian Re) dan Malaysian Re (Dubai) Ltd., serta pengendali takaful utama, Takaful Ikhlas Berhad (Takaful IKHLAS).

Malaysian Re, syarikat insurans semula am negara, merupakan salah sebuah pengendali insurans semula am tempatan yang terbesar di rantau ini. Pada April 2017, syarikat tersebut telah menjalankan program transformasi perniagaan strategik, Transformasi Perniagaan 2020 bagi memacu Malaysian Re ke arah mencapai pewujudan nilai yang mampan.

Pada tahun yang sama, Takaful IKHLAS dengan kerjasama Agrobank telah membangunkan Agro Mabrur-i, produk takaful keluarga yang diiktiraf Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah Skim Perlindungan Tenang. Skim Perlindungan Tenang merupakan perkongsian antara BNM dan industri insurans serta takaful bagi menyediakan produk perlindungan insurans takaful yang mudah diakses dan mampu milik bagi rakyat Malaysia.

Takaful IKHLAS telah menerima tiga anugerah pada tahun 2017; Anugerah Perniagaan dan Kewangan Islam Asia Tenggara - Penyedia Takaful Am Terbaik, Anugerah CEO Terbaik 2017 daripada Anugerah Kewangan Islam Global dan Syarikat Takaful Terbaik 2017 ketika Persidangan Perbankan Islam dan Takaful Asia di Kuala Lumpur.




TKB17
31 Mac

| PREMIUM KASAR YANG DIPEROLEHI/ SUMBANGAN | PATMI | PERMODALAN PASARAN | PEGANGAN SAHAM |
|---|---|---|---|
| RM2.3bilion | RM71.2juta | RM735.1juta | 55% |

# EKUITI AWAM - SYARIKAT TERAS



## TELEKOM MALAYSIA BERHAD

PEGANGAN SAHAM

21%



## MMC CORPORATION BERHAD

PEGANGAN SAHAM

20%



## AXIATA GROUP BERHAD

PEGANGAN SAHAM

18%



## IJM CORPORATION BERHAD

PEGANGAN SAHAM

18%

# EKUITI AWAM - SYARIKAT TERAS



## BIMB HOLDINGS BERHAD

PEGANGAN SAHAM

16%



## TENAGA NASIONAL BERHAD

PEGANGAN SAHAM

15%



## GAMUDA BERHAD

PEGANGAN SAHAM

14%




## SAPURA ENERGY BERHAD

PEGANGAN SAHAM

13%

## EKUITI AWAM - SYARIKAT TERAS




### DIGI.COM BERHAD

PEGANGAN SAHAM
**12%**



### MAXIS BERHAD

PEGANGAN SAHAM
**11%**




### RHB BANK BERHAD

PEGANGAN SAHAM
**10%**




### FRASER & NEAVE HOLDINGS BERHAD

PEGANGAN SAHAM
**10%**

## EKUITI AWAM - SYARIKAT TERAS



PETRONAS

### PETRONAS GAS BERHAD

PEGANGAN SAHAM

**10%**




CIMB

### CIMB GROUP HOLDINGS BERHAD

PEGANGAN SAHAM

**10%**




PETRONAS

### PETRONAS DAGANGAN BERHAD

PEGANGAN SAHAM

**10%**



IOI GROUP

### IOI CORPORATION BERHAD

PEGANGAN SAHAM

**9%**

# PELABURAN PERSENDIRIAN - PELABURAN TERKAWAL

## MALAYSIAN INDUSTRIAL DEVELOPMENT FINANCE BERHAD

Kumpulan MIDF merupakan penyedia perkhidmatan kewangan dalam empat bidang teras perniagaan – perbankan pelaburan, pembiayaan pembangunan, pengurusan aset dan pembiayaan mezanin.

Pencapaian terbarunya termasuk penerbitan Program Sukuk Hijau Merdeka ASEAN SRI (sehingga RM2 bilion) untuk projek PNB 118 milik PNB Merdeka Ventures, dilantik sebagai Pengatur Utama Bersama dan Penasihat bagi penerbitan sukuk sehingga RM350 juta bagi Quill Retail Malls Sdn Bhd, serta merupakan Penasihat Bebas bagi cadangan pengambilalihan 51% saham biasa Penang Port Sdn Bhd oleh Seaport Terminal (Johore) Sdn Bhd (anak syarikat MMC Corporation Berhad) bernilai RM220 juta.

Bahagian Pembiayaan Pembangunan MIDF juga telah meningkatkan kadar kelulusan pinjaman sebanyak 20% daripada tahun 2016, dengan RM661.3 juta diluluskan untuk membantu lebih daripada 250 buah syarikat tempatan. MIDF juga melancarkan dana unit amanah baharu -MIDF Amanah Syariah, bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal jangka panjang bagi para pelabur dan menawarkan cadangan nilai yang unik bagi memudahcara pembayaran zakat bagi pihak pelabur.




TKB17
31 Dis

| HASIL OPERASI | PAT (SEBELUM ITEM LUAR BIASA) | PEGANGAN SAHAM |
|---|---|---|
| RM351.8juta | RM85.8juta | 100% |

PELABURAN PERSENDIRIAN - PELABURAN TERKAWAL

# PROJEK LINTASAN KOTA HOLDINGS SDN BHD

PROLINTAS
GROUP OF COMPANIES

Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLINTAS) ditubuhkan pada Januari 1995 sebagai syarikat pegangan pelaburan dengan kepentingan dalam pembangunan infrastruktur. Dimiliki sepenuhnya oleh PNB, ia merupakan salah satu pembina infrastruktur jalan raya dalam bandar yang utama di Lembah Klang dengan rangkaian jalan raya sepanjang 80 kilometer. Aktiviti utamanya adalah mereka bentuk, membina, mengendali dan menyenggara lebuh raya menerusi anak-anak syarikatnya.

Lebuh raya-lebuh raya di bawah portfolio semasanya ialah Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH), Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE), Lebuhraya Kemuning-Shah Alam (LKSA) dan yang terkini Lebuhraya Kajang SILK (SILK).

PROLINTAS sedang membina dua lebuh raya baharu, Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH) dan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE). Setelah pembinaan yang dijangka siap menjelang 2020, PROLINTAS bakal menjadi pembina infrastruktur jalan raya kedua terbesar Malaysia.



**TKB17**
31 Dis - Belum Diaudit

| HASIL OPERASI | EBITDA | PEGANGAN SAHAM |
|---|---|---|
| RM305.0juta | RM216.2juta | 100% |

# PELABURAN PERSENDIRIAN - PELABURAN MINORITI




## PERUSAHAAN OTOMOBIL KEDUA SDN BHD

PEGANGAN SAHAM
**10%**



## BOH PLANTATIONS SDN BHD

PEGANGAN SAHAM
**26%**




## AKZO NOBEL PAINTS (M) SDN BHD

PEGANGAN SAHAM
**40%**




## UNILEVER (MALAYSIA) HOLDINGS SDN BHD

PEGANGAN SAHAM
**23%**

## PELABURAN PERSENDIRIAN - PELABURAN MINORITI



### KAF SECURITIES SDN BHD

PEGANGAN SAHAM
**33%**




### CARRIER INTERNATIONAL SDN BHD

PEGANGAN SAHAM
**49%**




### CARSEM (M) SDN BHD

PEGANGAN SAHAM
**30%**



### GOODYEAR MALAYSIA BERHAD

PEGANGAN SAHAM
**49%**

# HARTANAH

## PNB 118

## TERTINGGI DI ASIA TENGGARA









## HARTANAH

# 12%

## SIAP





HARTANAH

# PELABURAN HARTANAH

## DOMESTIK



Menara MBSB



26 Jalan Sultan Ismail

42 HARTANAH

6.6 JUTA KAKI PERSEGI

Jumlah Bersih Ruang Boleh Disewa

Senarai pelaburan hartanah terpilih:

- Menara PNB, Kuala Lumpur
- Menara HeiTech Village, Selangor
- Menara MIDF, Kuala Lumpur
- Bangunan UTMSPACE, Kuala Lumpur
- Bangunan Setia 1, Kuala Lumpur
- Menara Tun Ismail Mohamed Ali, Kuala Lumpur

## ANTARABANGSA



90 High Holborn

1.2 JUTA KAKI PERSEGI

Jumlah Bersih Ruang Boleh Disewa

5 HARTANAH



Aviation House



One Exchange Square

HARTANAH

# HOSPITALITI



Hotel Perdana Kota Bharu

**11**

## HOTEL DAN PUSAT PERANGINAN



PNB Perdana Hotel & Suites On The Park Kuala Lumpur

**2,468** BILANGAN BILIK

# BANK TANAH




**>10,000** EKAR



# INTEGRITI

KAMI SAMA SEKALI TIDAK AKAN BERKOMPROMI DALAM HAL INTEGRITI DAN BERPEGANG TEGUH KEPADA **STANDARD ETIKA** YANG TERTINGGI


ePERADUAN

# INISIATIF UTAMA

## AMANAH DANA ANAK MALAYSIA 2050 (ADAM50)




ADAM50
Amanah Dana Anak Malaysia 2050

- Program baharu yang diperkenalkan oleh Kerajaan dengan kerjasama PNB kepada semua bayi warganegara Malaysia yang lahir antara 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2022
- ADAM50 merupakan program dengan matlamat untuk menggalakkan budaya menabung dan melabur dalam kalangan rakyat Malaysia daripada seawal usia baru lahir, dengan pemberian unit insentif percuma sebagai modal pelaburan permulaan
- Metodologi
  - a Daftar bayi dengan Jabatan Pendaftaran Negara (NRD) untuk sijil kelahiran / MyKid
  - b Daftar di cawangan ASNB atau ejen dalam tempoh 1 tahun dari tarikh kelahiran
  - c 200 unit insentif percuma dikreditkan secara automatik: ASB bagi Bumiputera atau AS 1Malaysia bagi bukan Bumiputera
- Pelaburan tambahan dibenarkan sehingga had pelaburan maksimum yang ditentukan:
  - a ASB - RM200,000; dan
  - b AS 1Malaysia - RM50,000
- 200 unit insentif dan mana-mana agihan pendapatan serta agihan tambahan (sekiranya ada) yang diperolehi daripada unit insentif ini hanya boleh ditebus setelah anak tersebut mencapai usia 18 tahun

## SKIM KHAS UNTUK MASYARAKAT INDIA




Untuk menggalakkan penglibatan masyarakat India dalam pelaburan unit amanah, dua inisiatif telah diumumkan pada 2017:

1. Skim Pinjaman Khas Tanpa Faedah untuk golongan B40
   - Terbuka kepada 100,000 peserta: skim diuruskan oleh Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC), sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri
   - 5,000 unit pinjaman tanpa faedah untuk tempoh 10 tahun diperuntukkan kepada setiap peserta yang dikenal pasti dan diluluskan oleh SEDIC untuk melabur dalam Amanah Saham 1Malaysia (AS1M)
2. Peruntukan tambahan sebanyak 1.5 billion unit AS 1Malaysia kepada masyarakat India
   - Membenarkan langganan tambahan unit AS 1Malaysia oleh masyarakat India, sehingga had pelaburan maksimum sebanyak RM30,000. Bagaimanapun, unit-unit ini hanya dibuka kepada pemegang unit India yang sama ada belum mempunyai akaun AS 1Malaysia atau pemegang unit yang mempunyai kurang daripada 30,000 unit dalam akaun mereka

## PENAMBAHBAIKAN CAWANGAN ASNB




### Kiosk ASNB

Pada tahun 2017, ASNB memperkenalkan konsep kiosk layan diri sebagai kemudahan baharu untuk Pemegang Unit melaksanakan urus niaga

**Manfaat kepada Pemegang Unit:**

- ASNB Kiosk membolehkan pemegang unit melaksanakan urus niaga tertentu tanpa perlu beratur di kaunter. Contohnya menyemak baki pelaburan tunai
- Urus niaga yang dijalankan menerusi Kiosk ASNB adalah tanpa kertas dan selamat dengan adanya pengesahan myKad Pemegang Unit
- Pemegang unit dapat mengemas kini nombor telefon mereka menerusi kiosk ASNB yang kemudian membolehkan mereka mendaftar di portal myASNB bagi urus niaga dalam talian
- Mengurangkan waktu menunggu di cawangan ASNB atau menerusi ejen kerana urus niaga tertentu dapat dibuat di kiosk ASNB

### Perkembangan baharu lain di ASNB

- Perpindahan cawangan: Bintulu, Pasir Puteh.
- Pengubahsuaian cawangan: Putrajaya, Sibu, Ipoh, Kuala Terengganu.
- Penambahan perkhidmatan Unit Bergerak ASNB (UBA): Pendaftaran myASNB Portal, urus niaga dalam talian di semua cawangan menerusi portal.
- Cawangan terpilih kini dibuka pada hari Sabtu ketiga setiap bulan.

# INISIATIF UTAMA

## PORTAL MYASNB 1.0




**www.myasnb.com.my/**

**Manfaat kepada Pemegang Unit:**

- Menyemak baki pelaburan akaun pemegang unit dan mana-mana individu bawah umur yang didaftarkan di bawah akaun pemegang unit tersebut
- Membuat pelaburan tambahan dalam produk unit amanah sedia ada pemegang unit dan mana-mana individu bawah umur yang didaftarkan di bawah akaun pemegang unit tersebut
- Membolehkan urus niaga di luar waktu operasi cawangan/ejen (7 pagi hingga 7 malam untuk produk harga tetap)
- Membolehkan pemegang unit mengemas kini data pelanggan bukan kritikal
- Cetak dan/atau muat turun penyata dalam bentuk PDF seperti penyata tahunan, rekod urus niaga terperinci dan penyata suku tahunan KWSP yang dikemas kini
- Membolehkan pemegang unit di luar Malaysia menguruskan pelaburan unit amanah mereka

## PENGENALAN URUS NIAGA TANPA BUKU PELABURAN

- Berkuat kuasa 28 Jun 2017, ASNB melaksanakan kemudahan urus niaga tanpa buku pelaburan bagi semua dana ASNB untuk memudahkan dan mempercepatkan urus niaga para pemegang unit.

**Manfaat kepada Pemegang Unit:**

- Hanya perlu mengemukakan Mykad bagi semua urus niaga termasuk pelaburan tambahan dan pengeluaran
- Keselamatan yang tinggi
- Urus niaga mudah
- Pemegang unit tidak lagi perlu memohon buku pelaburan baharu jika hilang

## PENGENALAN KEPADA E-PENYATA

**Manfaat kepada Pemegang Unit:**

- Akses lebih pantas – pemegang unit mempunyai akses lebih pantas kepada penyata agihan pendapatan, laporan tahunan dan laporan interim
- Mudah – Pemegang unit tidak perlu hadir ke ASNB atau cawangan ejen untuk menyemak agihan pendapatan mereka sebaliknya boleh berbuat demikian menggunakan penyata elektronik
- Selamat – Penyata agihan pendapatan hanya dapat diakses oleh pemegang unit yang sah melalui kata laluan unik
- Mesra alam sekitar – Memelihara alam menerusi persekitaran tanpa kertas

## KEMAS KINI FAIL MAKLUMAT PELANGGAN (CIF)

**Manfaat kepada pemegang unit:**

- Pemegang unit menerima maklumat penting dan terkini berkenaan produk unit amanah dan perkhidmatan ASNB dengan lebih cepat dan berkesan menerusi emel, oleh itu pemegang unit yang belum berbuat demikian dinasihatkan agar mengemas kini butiran peribadi mereka

## STARZ AWARDS










### Starz Awards

- Starz Awards merupakan acara pengiktirafan tahunan bagi menghargai sumbangan ejen-ejen kepada ASNB.

**Objektif:**

- Untuk memperakui dan memberi pengiktirafan kepada ejen-ejen ASNB sebagai penyumbang penting dalam pencapaian prestasi jualan produk ASNB
- Untuk menggalakkan ejen-ejen memasarkan produk unit amanah ASNB dengan lebih komprehensif
- Untuk membangkitkan persekitaran kompetitif antara ejen-ejen dan menggalakkan semua ejen dan agensi terlibat dengan ASNB untuk menjalin kerjasama yang lebih erat dan menyokong promosi ASNB
- Untuk menaikkan semangat Eksekutif Kewangan menjual produk-produk ASNB

**Antara pemenang 2016:**

- Anugerah Pengerusi PNB: Maybank
- Anugerah Presiden PNB: Maybank
- Anugerah Bintang Inspirasi: Alliance Bank
- Pengurusan Ejen Terbaik: CIMB
- Anugerah Kecemerlangan Perkhidmatan: Maybank
- Anugerah Pengiktirafan: Mahkamah Persekutuan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, KWSP
- Jualan Tertinggi bagi Semua Produk: Maybank

# INISIATIF UTAMA

## HIBAH AMANAH DAN PENGISYTIHARAN AMANAH

### HIBAH AMANAH




1. Pemberi Hibah akan melafazkan akad hibah (perjanjian) dengan Penerima, di hadapan dua orang saksi.
2. Pemberi Hibah dan Penerima Hibah bersetuju melantik ASNB sebagai Pemegang Amanah untuk mentadbir Aset Hibah berdasarkan Surat Ikatan Amanah.
3. ASNB akan mentadbir dan mengagihkan Harta Hibah kepada Penerima Hibah berdasarkan Surat Ikatan Amanah.

- Hibah Amanah: Perkhidmatan pengurusan harta yang berlandaskan Syariah yang menerapkan konsep hibah dan amanah dalam pengurusan harta. Unit amanah ASNB yang dihibahkan akan dipindah milik kepada Penerima selepas kematian pemegang unit.

### PENGISYTIHARAN AMANAH




1. Pemberi akan menamakan penerima bagi pelaburan ASNB.
2. Pemberi bersetuju melantik ASNB sebagai Pemegang Amanah untuk mentadbir Harta Amanah Berdasarkan Surat Ikatan Pengisytiharan Amanah.
3. ASNB akan mentadbir dan mengagihkan Harta Amanah kepada Penerima Hibah Berdasarkan Surat Ikatan Amanah.

- Pengisytiharan Amanah: Perkhidmatan pentadbiran harta oleh ASNB bagi pemegang unit bukan beragama Islam. Ia adalah perkhidmatan yang menerapkan konsep amanah dalam pengurusan harta di mana unit pelaburan amanah akan diuruskan oleh ASNB dan dipindah milik secara langsung kepada Penerima selepas kematian pemegang unit.

| **Manfaat kepada Pemegang Unit:** | |
|---|---|
| • Memudahkan beban proses pentadbiran harta pusaka yang rumit untuk pelaburan ASNB | • Bayaran perkhidmatan yang kompetitif |
| • Memastikan pelaburan diwarisi oleh penerima yang berhak | • Proses pengagihan kepada penerima manfaat lebih cepat dan efisyen berbanding proses pengagihan harta pusaka biasa |
| • Proses pentadbiran di bawah satu bumbung – ASNB | |

INISIATIF UTAMA

## KECELIKAN KEWANGAN - FIESTA LABUR PNB







Bil. pengunjung:
**12,000**

Pendaftaran akaun baharu:
**2,662**

Bil. peserta:
**2,493**

Fiesta Labur PNB

- Tempat: Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) ,dari 28 September hingga 1 Oktober 2017
- Program 4 hari menggabungkan semua program celik kewangan yang dilaksanakan oleh ASNB dan PNB. Program turut melibatkan pengunjung dalam pelbagai aktiviti didik hibur yang bermatlamat untuk mendidik mereka akan kepentingan pelaburan dan perancangan kewangan.

| Bil. | Program/Aktiviti |
|---|---|
| 1. | Jamboree Kelab Pelaburan Bijak PNB |
| 2. | Kuiz Pelaburan PNB 1Malaysia (empat kategori):<br>• Sekolah Menengah<br>• Institut Pengajian Tinggi<br>• Institut Pendidikan Guru<br>• Badan Beruniform |
| 3. | Sesi *Get Stronger!* bersama ejen |
| 4. | Santai Labur |
| 5. | Bengkel Perancangan Pelaburan |
| 6. | LaburRia PNB |
| 7. | Bicara Ilmu |
| 8. | Pertandingan Persembahan Seni Kreatif |
| 9. | Kem Perancangan Kewangan Kanak-kanak |

# INISIATIF UTAMA

## KECELIKAN KEWANGAN - SEMINAR PELABURAN 360 HARI & KUIZ PELABURAN PNB

**Seminar Pelaburan 360 Hari**

**-2017-**

Bil. seminar:
**946**

Bil. peserta:
**85,836**

**Sejak Penubuhan**

Bil. seminar:
**6,722**

Bil. peserta:
**649,272**




Seminar Pelaburan 360 Hari

- Program pendidikan bagi mendidik warga Malaysia dalam semua aspek perancangan kewangan. Usaha komprehensif ini diadakan setiap hari sepanjang tahun, merangkumi 140 daerah di seluruh Malaysia.

**PNB Permodalan Nasional Berhad KUIZ Pelaburan**

**-2017-**

Bil. peserta:
**104,048**

Bil. akaun baharu:
**>10,000**

**Sejak Penubuhan**

Bil. peserta:
**450,000**








Kuiz Pelaburan PNB

- Kuiz Pelaburan PNB diadakan setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan pelaburan. Ia dibahagikan kepada empat kategori:

01 Sekolah Menengah
02 Institut Pengajian Tinggi
03 Badan Beruniform
04 Institut Pendidikan Guru

## KECELIKAN KEWANGAN - KELAB PELABURAN BIJAK PNB

**-2017-**

Bil. aktiviti yang dianjurkan:

**458**

Bil. peserta:

**97,751**

Bil. akaun baharu:

**5,325**

**Sejak Penubuhan**

Bil. akaun baharu:

**799,852**









Kelab Pelaburan Bijak PNB (KPBPNB)

- Kelab ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran dan mendidik pelajar tentang pelaburan dan perancangan kewangan. Kelab ini telah ditubuhkan di 104 buah sekolah menengah seluruh negara, dan menganjurkan bengkel perancangan kewangan, seminar motivasi, lawatan ke Minggu Saham Amanah Malaysia dan syarikat-syarikat sekutu PNB.

# INISIATIF UTAMA

## KECELIKAN KEWANGAN - BICARA ILMU

**-2017-**

Bil. acara:
**14**

Bil. peserta:
**4,940**

**Sejak Penubuhan**

Bil. acara:
**15**

Bil. peserta:
**5,290**






Bicara Ilmu

- Forum perkongsian maklumat dan pengetahuan yang diadakan di masjid dengan sasaran untuk mendidik orang awam terhadap kepentingan pelaburan dan perancangan kewangan, termasuk pewarisan harta pusaka.

# KOMITMEN SYARIAH PNB

## DANA-DANA UNIT AMANAH ASNB TERIMA FATWA HARUS DARIPADA SEMUA MAJLIS AGAMA NEGERI

- Kami gembira kerana telah menerima fatwa Harus daripada Majlis Fatwa Kebangsaan ('Muzakarah Fatwa Kebangsaan') bagi semua produk unit amanah kami
- Pada tahun 2017, kami telah berjaya memperoleh fatwa Harus daripada semua Majlis Fatwa Negeri, berikutan fatwa yang diberikan oleh negeri Selangor dan Pulau Pinang
- PNB juga telah menerima beberapa bank-bank Islam menyertai jaringan ejen kami termasuk Maybank Islamic, CIMB Islamic, RHB Islamic dan Bank Muamalat

**1992**
- Fatwa dari Negeri Perak
- Fatwa dari Negeri Kedah

**1993**
- Fatwa dari Negeri Terengganu

**2002**
- Fatwa dari Negeri Sarawak

**2008**
- Muzakarah Fatwa Kebangsaan – Melaka, Johor dan Sabah menerima pakai Fatwa ini
- Fatwa dari Wilayah Persekutuan

**2009**
- Fatwa dari Negeri Kelantan

**2012**
- Fatwa dari Negeri Sembilan
- Fatwa dari Negeri Pahang

**2016**
- Fatwa dari Negeri Perlis

**2017**
- Fatwa dari Negeri Selangor
- Fatwa dari Pulau Pinang

# KOMITMEN SYARIAH PNB

## PNB JUGA TELAH MENYOKONG BEBERAPA PROGRAM UTAMA DALAM INDUSTRI KEWANGAN ISLAM PADA 2017



### FORUM ANTARABANGSA PENGURUSAN DANA DAN KEKAYAAN ISLAM (IIFWMF)

| | |
|---|---|
| Penganjur | Institut Antarabangsa Kewangan dan Perbankan Islam Universiti Islam Antarabangsa Malaysia |
| Tarikh | 2 hingga 3 Mei 2017 |
| Tempat | Dewan Senat Institut Perbankan dan Kewangan Islam IIUM (IIiBF) |
| Objektif Program | Forum ini bermatlamat untuk menyediakan platform bagi ahli akademik dan wakil industri untuk berkongsi pandangan dan idea untuk meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai hab global bagi industri pengurusan dana dan kekayaan Islam. |










### PERSIDANGAN TADBIR URUS DAN ASURANS SYARIAH PNB-USIM 2017

| | |
|---|---|
| Penganjur | Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) |
| Tarikh | 13 September 2017 |
| Tempat | Royale Chulan, Kuala Lumpur |
| Objektif Program | Persidangan ini memberi tumpuan kepada tadbir urus dan asurans Syariah dalam beberapa bidang kepentingan termasuk perbankan Islam dan takaful, Pasaran Modal Islam, institusi Zakat dan Awqaf, Perusahaan Sosial Islam dan Koperasi Islam, yang mengumpulkan badan-badan kawal selia, cendekiawan dan pakar industri. |

## KOMITMEN SYARIAH PNB







### FORUM KEWANGAN ISLAM KUALA LUMPUR 2017 (KLIFF 2017)

| | |
|---|---|
| Penganjur | Centre for Research and Training (CERT) |
| Tarikh | 3 hingga 5 Oktober 2017 |
| Tempat | Hotel Istana, Kuala Lumpur |
| Objektif Program | Tema bagi tahun ini, "Kewangan Sebenar bagi Ekonomi Sebenar", bermatlamat mengumpulkan cendekiawan, pengamal, penggiat industri dan mereka yang berminat dengan perbankan dan kewangan Islam dalam satu platform di mana isu-isu boleh dibangkitkan, dibincang dan dikupas bersama, untuk mencari penyelesaian, cadangan dan hala tuju ke hadapan. |







### FORUM EKONOMI ISLAM SEDUNIA (WIEF)

| | |
|---|---|
| Penganjur | Yayasan Forum Ekonomi Islam Dunia (WIEF) |
| Tarikh | 21 hingga 23 November 2017 |
| Tempat | Pusat Konvensyen Borneo Kuching, Sarawak |
| Objektif Program | Dengan tema, "Perubahan Disruptif: Impak dan Cabaran", forum ini bermatlamat untuk menggalakkan kesejahteraan perdagangan dan ekonomi global dengan memacu perdagangan antara masyarakat Islam dan bukan Islam. Ia merupakan platform peringkat tinggi bagi pemimpin kerajaan, peneraju industri terkemuka, ahli akademik, penggubal dasar dan pemimpin perniagaan untuk membincangkan peluang mengadakan perkongsian perniagaan dalam dunia Islam. |

# CERMAT

KAMI SENTIASA
FOKUS UNTUK
**MELINDUNGI**
PELABURAN PEMEGANG
UNIT AMANAH KAMI





# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

## PENGENALAN

PNB PERCAYA BAHAWA BUDAYA KETELUSAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN, DAN INTEGRITI ADALAH PALING UTAMA DALAM MEMASTIKAN KOMITMENNYA KE ARAH MENJADI SEBUAH FIRMA PELABURAN DISTINKTIF BERTARAF DUNIA. DALAM KEADAAN PASARAN SEMASA YANG MENCABAR INI, ADALAH PENTING BAGI PNB UNTUK MEMASTIKAN PEMATUHAN KEPADA STANDARD TADBIR URUS KORPORAT YANG TERTINGGI, YANG BERGANTUNG KEPADA DASAR DAN PROSES DALAMANNYA. DENGAN ITU, KAMI DENGAN SUKACITANYA MELAPORKAN PENGGUNAAN PRINSIP DAN AMALAN TERBAIK TADBIR URUS KORPORAT OLEH PNB, SEPERTI YANG DINYATAKAN DALAM KOD TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA (KOD).

### TANGGUNGJAWAB UTAMA LEMBAGA PENGARAH

Kelestarian dan pertumbuhan PNB akan sentiasa bergantung kepada pelaksanaan dasar tanggungjawab Lembaga Pengarah, yang termasuk:

- menetapkan dan memantau objektif perniagaan strategik Kumpulan;
- menyemak dasar dan prosedur untuk memastikan perlakuan korporat Kumpulan selari dengan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban;
- menyemak kecukupan sistem kawalan dalaman Kumpulan, sistem maklumat pengurusan, dan pematuhan undang-undang yang berkaitan;
- memantau prestasi pengurusan dan semakan;
- menilai pelaksanaan sistem pengurusan risiko.

### LEMBAGA PENGARAH

Budaya sihat Lembaga Pengarah yang menggalakkan dan menyokong amalan tadbir urus korporat yang baik akan memastikan kepentingan pihak berkepentingan dan mandat daripada Kerajaan dilindungi. Adalah penting bagi Lembaga Pengarah untuk mempunyai pemahaman yang jelas tentang peranan dan tanggungjawab mereka. Pemilihan individu dengan gabungan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan adalah sangat penting agar Lembaga Pengarah dapat memberikan kepimpinan yang jelas dan berkesan di samping menerapkan amalan tadbir urus korporat yang baik. PNB, menerusi cadangan Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan (NRC), memilih calon dari pelbagai latar belakang untuk menerajui proses pembuatan keputusan dan mengendali syarikat bagi memastikan ia mencapai objektif dan matlamat strateginya. Pada masa ini, Lembaga Pengarah terdiri daripada sembilan orang ahli, yang terdiri daripada seorang Pengarah Bukan Bebas, seorang Pengarah Eksekutif Bukan Bebas, dan tujuh Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

### MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH (Kekerapan Mesyuarat)

Lembaga Pengarah mengadakan sekurang-kurangnya empat kali mesyuarat setiap tahun, dengan mesyuarat khas sebagai tambahan yang diadakan sekiranya keadaan memerlukan mesyuarat tersebut diadakan, untuk meluluskan cadangan korporat, rancangan perniagaan strategik, dan arahan atau apa-apa perkara lain yang memerlukan keputusan Lembaga Pengarah. Mesyuarat Jawatankuasa Audit diadakan sempena mesyuarat Lembaga Pengarah yang dijadualkan.

### PENGENDALIAN MESYUARAT (Agenda Lembaga Pengarah)

Pada setiap mesyuarat, Pengerusi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah masing-masing membuat taklimat dan menyediakan agenda mesyuarat tersebut. Pengerusi menyemak agenda Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, seperti yang dikehendaki. Pengarah yang menghadiri mesyuarat adalah bebas untuk mencadangkan perkara untuk agenda, dan setiap Pengarah bebas mencadangkan perbincangan mengenai apa-apa isu yang berkaitan dengan perniagaan Kumpulan atau mana-mana perkara lain yang berkaitan.

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

## KEHADIRAN LEMBAGA PENGARAH

Butiran Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun 2017 dinyatakan di bawah:

| Mesyuarat | Tarikh | Bilangan Ahli Lembaga Pengarah | Kehadiran LembagaPengarah |
|---|---|---|---|
| Ke-226 (No.1-2017) | 7 Feb 17 | 9 | 9/9 |
| Ke-227 (No.2-2017) | 14 Mac 17 | 9 | 7/9 |
| SB1-2017 | 12 Apr 17 | 9 | 7/9 |
| Ke-228 (No.3-2017) | 16 Mei 17 | 9 | 8/9 |
| SB2-2017 | 20 Jul 17 | 9 | 8/9 |
| Ke-229 (No.4-2017) | 24 Ogos 17 | 9 | 9/9 |
| Ke-230 (No.5-2017) | 14 Nov 17 | 9 | 8/9 |
| SB3-2017 | 23 Nov 17 | 9 | 7/9 |
| SB4-2017 | 7 Dis 17 | 9 | 7/9 |

## REKOD KEHADIRAN

Rekod kehadiran Pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan dinyatakan di bawah:

| Ahli Lembaga Pengarah | Status | Kedatangan |
|---|---|---|
| Tan Sri Abdul Wahid bin Omar (Pengerusi) | Bukan Bebas Bukan Eksekutif | 9/9 |
| Dato' Abdul Rahman bin Ahmad | Bukan Bebas Eksekutif | 9/9 |
| Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar bin Abdullah | Bebas Bukan Eksekutif | 4/9 |
| Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa | Bebas Bukan Eksekutif | 7/9 |
| Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah | Bebas Bukan Eksekutif | 9/9 |
| Tan Sri Zarinah Sameehah binti Anwar | Bebas Bukan Eksekutif | 9/9 |
| Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin | Bebas Bukan Eksekutif | 8/9 |
| Datuk Dr. Mohd. Yaakub bin Haji Johari | Bebas Bukan Eksekutif | 9/9 |
| Tuan Haji Soedirman bin Aini | Bebas Bukan Eksekutif | 6/9 |

### PENGAGIHAN BAHAN MESYUARAT

Pada masa ini, mesyuarat Lembaga Pengarah mengamalkan sistem tanpa kertas dengan penggunaan Sistem BoardPac. Sistem baharu ini membolehkan Setiausaha Syarikat memberi akses segera kepada Lembaga Pengarah dan ahli Jawatankuasa bahan-bahan mesyuarat sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah dimulakan. Sistem tanpa kertas ini dijangka membolehkan mesyuarat Lembaga Pengarah dikendalikan dengan cekap dan ahli-ahli Lembaga Pengarah dikemas kini dengan serta-merta mengenai apa-apa pindaan kepada mana-mana kertas kerja mesyuarat.

### AKSES KEPADA NASIHAT

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya mempunyai akses terus kepada pegawai dan kakitangan PNB dan boleh melantik pihak ketiga sekiranya perlu, dalam menjalankan tugas dan memenuhi kewajipan mereka yang akan ditanggung perbelanjaannya oleh Kumpulan.

### PELANTIKAN (Pemilihan Pengarah)

Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan bertanggungjawab untuk penamaan calon-calon pangarah. Calon yang berpotensi dipilih daripada pelbagai industri bagi memastikan hanya calon yang memiliki gabungan keupayaan, kepakaran, dan pengalaman yang tepat akan dipilih. Komposisi Lembaga Pengarah juga dikaji semula secara kerap bagi memastikan sumbangan berkesan kepada perbincangan Lembaga Pengarah.

### JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk membantu Lembaga Pengarah dalam mengendalikan fungsi atau bidang tertentu dengan lebih cekap. Terdapat lapan jawatankuasa di bawah bidang kuasa Lembaga Pengarah, seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| Jawatankuasa Audit | Jawatankuasa Pelaburan | Jawatankuasa Penamaan & Imbuhan | Jawatankuasa Pengurusan Risiko |
| Jawatankuasa Pematuhan | Jawatankuasa Rayuan | Jawatankuasa Tender | Jawatankuasa Penasihat Syariah |

Jawatankuasa mempunyai bidang tugas bertulis yang berasingan dan diperjelaskan yang memperincikan skop kuasa dan tanggungjawab mereka. Semua pengerusi melaporkan perkara yang dibincangkan dan tindakan yang diambil dalam mesyuarat mereka kepada Lembaga Pengarah selepas setiap mesyuarat. Setiap jawatankuasa akan menyemak semula bidang tugas sendiri dan bekerjasama dengan Lembaga Pengarah untuk membuat semakan sekiranya diperlukan. Lembaga Pengarah boleh, dari semasa ke semasa, menubuhkan dan mengekalkan Jawatankuasa tambahan sekiranya diperlukan.

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Fungsi utama setiap Jawatankuasa serta keahlian dan kehadiran pada mesyuarat TK2017 dinyatakan di bawah.

### JAWATANKUASA AUDIT

Fungsi utama Jawatankuasa adalah untuk menyemak semula kualiti dan keberkesanan sistem perakaunan dan kawalan dalaman. Jawatankuasa akan menyemak kecukupan dan integriti pelaksanaan audit yang dijalankan oleh juruaudit luar dan juruaudit dalaman bagi setiap tahun kewangan. Dasar perakaunan yang diterima pakai oleh Pengurusan dan diterima oleh juruaudit luar akan disemak semula secara berkala untuk memastikan pematuhan kepada Piawaian Perakaunan yang dipatuhi.

| Ahli | Status | Kehadiran |
|---|---|---|
| Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah | Bebas Bukan Eksekutif | 8/8 |
| Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani | Bebas Bukan Eksekutif | 8/8 |
| Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood | Bebas Bukan Eksekutif | 8/8 |

### JAWATANKUASA PENAMAAN & IMBUHAN

Fungsi utama Jawatankuasa ini adalah untuk mengenal pasti dan mengesyorkan calon yang sesuai untuk dilantik menganggotai Lembaga Pengarah PNB dan Syarikat Subsidiari yang Beroperasi, serta Syarikat Strategik, Kawalan, Teras dan Syarikat Pelaburan Minoriti. Jawatankuasa ini juga mengenal pasti dan mengesyorkan calon yang sesuai untuk dilantik sebagai Presiden/ Pengarah Urusan/ Ketua Eksekutif PNB, Syarikat Subsidari Operasi, serta Syarikat Strategik dan Syarikat Pelaburan Kawalan. Dalam pemilihan calon, Jawatankuasa ini berpandukan dasar dan proses yang diwujudkan di mana ia mempertimbangkan, antara lain, integriti, kemahiran, pengetahuan, dan pengalaman calon.

| Ahli | Status | Kehadiran |
|---|---|---|
| Tan Sri Abdul Wahid bin Omar | Bukan Bebas Bukan Eksekutif | 8/8 |
| Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin | Bebas Bukan Eksekutif | 7/8 |
| Datuk Dr. Mohd Yaakub bin Johari | Bebas Bukan Eksekutif | 8/8 |
| Tuan Haji Soedirman bin Aini | Bebas Bukan Eksekutif | 5/8 |

### JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa ini menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tentang falsafah pengurusan risiko, dasar dan strategi pengurangan risiko seperti yang dicadangkan oleh Pengurusan untuk menguruskan risiko utama Kumpulan PNB serta mengawasi dan meluluskan pembangunan dan penyelenggaraan rangka kerja pengurusan risiko bersepadu Kumpulan PNB.

| Ahli | Status | Kehadiran |
|---|---|---|
| Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah | Bebas Bukan Eksekutif | 5/5 |
| Tan Sri Zarinah Sameehah binti Anwar | Bebas Bukan Eksekutif | 5/5 |
| Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood | Bebas Bukan Eksekutif | 5/5 |

### JAWATANKUASA PELABURAN

Jawatankuasa ini membantu Lembaga Pengarah untuk merangka rancangan dan strategi serta meluluskan pemilihan pelaburan bagi portfolio pelaburan PNB dan unit amanahnya, tertakluk kepada had kuasa yang diberikan oleh Lembaga Pengarah. Jawatankuasa juga mempertimbangkan apa-apa cadangan untuk penggabungan dan pengambilalihan.

| Ahli | Status | Kehadiran |
|---|---|---|
| Tan Sri Abdul Wahid bin Omar | Bukan Bebas Bukan Eksekutif | 12/12 |
| Dato' Abdul Rahman bin Ahmad | Bukan Bebas Eksekutif | 12/12 |
| Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah | Bebas Bukan Eksekutif | 12/12 |
| Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan bin Ghazali | Bebas Bukan Eksekutif | 12/12 |
| Datuk Dr. Mohd Daud bin Abu Bakar | Bebas Bukan Eksekutif | 10/12 |
| Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani* | Bebas Bukan Eksekutif | 11/11 |

* Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa pada 13 Febuari 2017

## JAWATANKUASA RAYUAN

Fungsi Jawatankuasa Rayuan adalah untuk mendengar rayuan kakitangan yang didapati bersalah dengan salah laku dan menentukan sama ada hukuman yang dikenakan oleh Jawatankuasa Tatatertib sepadan dengan salah laku berkenaan. Jawatankuasa juga mempertimbangkan rayuan daripada kakitangan berkaitan dengan penentuan gaji dan kenaikan pangkat mereka. Tiada mesyuarat diadakan pada 2017.

| Ahli | Status |
|---|---|
| Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin | Bebas Bukan Eksekutif |
| Tan Sri Zarinah Sameehah binti Anwar | Bebas Bukan Eksekutif |
| Datuk Dr. Mohd Yaakub bin Johari | Bebas Bukan Eksekutif |
| Tuan Haji Soedirman bin Aini | Bebas Bukan Eksekutif |

## JAWATANKUASA PEMATUHAN

Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk menentukan, meluluskan, menyemak semula dan memantau Pelan Kerja Pematuhan Jabatan Pematuhan. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat setiap suku tahunan untuk menilai dan menyemak semula hasil laporan pematuhan dan membuat cadangan yang berkenaan. Struktur fungsi pematuhan keseluruhan Kumpulan akan disemak semula dan apabila dianggap perlu.

| Ahli | Status | Kehadiran |
|---|---|---|
| Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah | Bebas Bukan Eksekutif | 4/4 |
| Dato' Abdul Rahman bin Ahmad | Bukan Bebas Eksekutif | 4/4 |
| Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood | Bebas Bukan Eksekutif | 4/4 |

## JAWATANKUASA TENDER

Jawatankuasa Tender membantu Lembaga Pengarah untuk mempertimbangkan tender dan sebut harga bagi semua aset, bekalan dan perkhidmatan bernilai lebih RM2 juta.

| Ahli | Status | Kehadiran |
|---|---|---|
| Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah | Bebas Bukan Eksekutif | 3/3 |
| Dato' Abdul Rahman bin Ahmad | Bukan Bebas Eksekutif | 3/3 |
| Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani | Bebas Bukan Eksekutif | 3/3 |

## JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH

Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk memberi nasihat serta pandangan dan panduan mengenai isu-isu pematuhan Syariah terhadap pelaburan yang dibuat oleh PNB, dan membantu PNB mematuhi prinsip Syariah sepanjang masa.

| Ahli | Status | Kehadiran |
|---|---|---|
| Dato' Dr. Abdul Halim bin Ismail* | Bebas Bukan Eksekutif | 4/4 |
| Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria | Bebas Bukan Eksekutif | 3/4 |
| Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad | Bebas Bukan Eksekutif | 3/4 |
| Dato' As-Sheikh Haji Nooh bin Gadot | Bebas Bukan Eksekutif | 3/4 |
| Profesor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Ab. Majid | Bebas Bukan Eksekutif | 4/4 |

* Dato' Dr. Abdul Halim bin Ismail telah bersara sebagai Pengerusi Jawatankuasa pada 31 Disember 2017. Pada 1 Januari 2018, Datuk Dr. Mohd Daud bin Abu Bakar telah dilantik sebagai Pengerusi, manakala Dr. Aida binti Othman juga menjadi ahli baharu Jawatankuasa.

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

## KOMUNIKASI DENGAN PEMEGANG KEPENTINGAN

Lembaga Pengarah memperakui kepentingan untuk memastikan pihak pemegang kepentingan sentiasa dimaklumkan mengenai perkembangan Kumpulan. PNB mendedahkan maklumat mengenai aktiviti pelaburannya pada setiap suku tahunan, termasuk keseluruhan peruntukan aset, aset di bawah pengurusan, pendapatan proforma yang digabungkan serentak dan perkembangan berkaitan dengan pelaksanaan STRIVE-15. Melalui laman sesawang rasminya, www.pnb.com.my, orang awam juga boleh memperoleh maklumat terkini mengenai PNB.

## KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah mengekalkan sistem kawalan dalaman yang boleh dipercayai demi melindungi kepentingan PNB dan pemegang unit. Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman dibentangkan pada muka surat 100 hingga 104 Laporan Tahunan ini.

## JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit terdiri daripada tiga ahli yang kesemuanya merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun pada setiap suku tahun, untuk menyemak dan meluluskan pelan audit luaran dan audit dalaman tahunan; menyemak dan meluluskan yuran audit dan yuran lain bagi juruaudit luaran, memastikan kebebasan dan objektif juruaudit luaran; mengkaji semula proses audit dalaman, kecukupan kawalan dalaman dan menilai urus niaga pihak berkaitan dalam Lembaga Pengarah. Di samping itu, Jawatankuasa Audit juga berfungsi sebagai platform bagi pengurusan utama untuk mengutarakan kebimbangan perhatian kepada sebarang kemungkinan ketidaknalaran untuk siasatan.

## HUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT LUARAN

PNB telah mewujudkan hubungan telus dan profesional dengan juruaudit luaran untuk memastikan tahap integriti yang tertinggi. Juruaudit luaran dijemput untuk menghadiri semua Mesyuarat Jawatankuasa Audit (semasa ketiadaan pasukan Pengurusan termasuk Pengarah Eksekutif) dan mesyuarat agung tahunan (AGM) PNB.

## DASAR PEMBERI MAKLUMAT DAN DASAR HALANGAN MAKLUMAT

PNB komited untuk menyokong Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 menerusi pelaksanaan dasar pemberian maklumat yang menggalakkan kakitangannya untuk mendedahkan amalan rasuah dan salah laku lain. Dasar yang diterima pakai ini memberikan kekebalan kepada pemberi maklumat dan melindungi mereka daripada tindakan pekerjaan yang tidak adil terhadap mereka.

Dasar Halangan Maklumat bertujuan untuk melindungi dan menghalang Kumpulan daripada melakukan kesalahan dagangan orang dalam. Oleh itu, pentingnya aturan kerahsiaan dilaksanakan melalui Dasar Halangan Maklumat. Pengarah, Ahli-ahli Jawatankuasa Pelaburan dan semua kakitangan Ahli Kumpulan PNB dikehendaki menandatangani Pengisytiharan Kepentingan berkenaan dengan pemerolehan/pembelian/penjualan Sekuriti Syarikat dalam bentuk Pengisytiharaan Kepentingan yang ditetapkan.

## PEMBANGUNAN DAN LATIHAN PENGARAH

Lembaga Pengarah memperakui kepentingan pendidikan berterusan untuk para Pengarahnya bagi memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi mereka dan memenuhi cabaran industri tertentu. Sepanjang tahun kewangan, semua Ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri pelbagai program latihan dan bengkel mengenai pelbagai isu semasa yang berkaitan dengan PNB, serta mengikuti perkembangan undang-undang dan pengawalseliaan terkini.

Program latihan, persidangan dan forum yang dihadiri Pengarah untuk TK2017 adalah seperti berikut:

| TOPIK | PENGANJUR |
|---|---|
| PENGAWALSELIAAN | |
| Taklimat mengenai Akta Syarikat 2016 Baharu | Malaysia Debt Ventures Berhad |
| Pencegahan Pengubahan Wang Haram | Permodalan Nasional Berhad |
| Akta Syarikat 2016 Baharu – Isu-isu Utama dan Potensi Kelemahan | Permodalan Nasional Berhad |
| Peraturan Pengurusan Dana (Modul 9 dan 10) | Suruhanjaya Sekuriti Malaysia |
| Ceramah Undang-Undang, Badan Eksekutif dan Kehakiman oleh Lord Thomas, Ketua Hakim Negara England dan Wales | Yayasan Sultan Azlan Shah & Naib Canselor Universiti Malaya |

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

| TOPIK | PENGANJUR |
|---|---|
| **KEPIMPINAN** | |
| Bengkel Nilai Bakat | Permodalan Nasional Berhad |
| Kecemerlangan Lembaga Pengarah PETRONAS:<br>Strategi Berkesan bagi Pengurusan Pemegang Kepentingan | Petroliam Nasional Berhad |
| Etika & Integriti:<br>Prinsip Pentakrifan Tempat Kerja yang Cemerlang | Bank Pembangunan Malaysia Berhad |
| **TEKNOLOGI MAKLUMAT** | |
| Keperluan Keselamatan Siber bagi Lembaga Pengarah oleh Akademi Pengarah Malaysia (“MINDA”) | Malaysia Debt Ventures Berhad |
| Masa Depan Inovasi Fintech/Digital oleh Prof. Howard Yu, Profesor Pengurusan Strategik dan Institusi Inovasi di IMD, Lausanne, Switzerland | PNB Investment Institute Sdn. Bhd. |
| **PENGURUSAN RISIKO** | |
| Pengurusan Risiko Bursa | Bursa Malaysia Berhad |
| **TADBIR URUS SYARIAH** | |
| Tadbir Urus Syariah Sekolah Kewangan Islam dan Perkhidmatan Asurans | Bank Pembangunan Malaysia Berhad |
| **PELABURAN** | |
| Pewujudan Nilai :<br>Mewujudkan Organisasi yang Bertumpu Pelanggan | PNB Investment Institute Sdn. Bhd. |
| Pelaksanaan Korporat dan Penetapan Harga Aset di Malaysia | Permodalan Nasional Berhad |
| Bengkel Peruntukan Aset Strategik PNB | Permodalan Nasional Berhad |
| Masa Depan Globalisasi dan Liberalisasi: Adakah Kita Gagal Dalam Perjuangan? | PNB Investment Institute Sdn. Bhd. |
| Program Pengarah Pasaran Modal | Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti |
| Ceramah Awam oleh Prof. Charles Hopkins | Yayasan Hasanah |
| **FORUM/PERSIDANGAN** | |
| Forum Pelabuhan Sabah | Sabah Ports Sdn Bhd |
| Persidangan & Pameran Tahunan Ekonomi & Kewangan Lapangan Terbang ke-9 Majlis Lapangan Terbang Antarabangsa | Airports Council International |
| Simposium Global Pembangunan Institusi Kewangan | Bank Negara Malaysia / Bank Dunia |
| Forum Dana Antarabangsa 2017 | Suruhanjaya Sekuriti Malaysia |
| Forum Ekonomi Islam Dunia Ke-13 (WIEF) | World Islamic Economic Forum Foundation |
| Forum Megatrends Khazanah | Khazanah Nasional Berhad |
| Forum Transformasi Global | Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) |

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

MENYEDARI KEPENTINGAN TADBIR URUS KAWAL SELIA, PENGURUSAN DAN OPERASI YANG BAIK, PNB MEMBERI KOMITMEN PENUH UNTUK MEMASTIKAN WUJUD PENGURUSAN RISIKO DAN SISTEM KAWALAN DALAMAN YANG KUKUH. TERSEDIANYA SISTEM INI MEMBANTU DALAM PEWUJUDAN, PENINGKATAN DAN PERLINDUNGAN NILAI; PADA MASA YANG SAMA, MEMATUHI DASAR SYARIKAT DAN MENCAPAI MATLAMAT DAN OBJEKTIF KAMI DALAM TAHAP SELERA RISIKO YANG DITETAPKAN.

Sistem kawalan dalaman PNB merangkumi Pengurusan Risiko, Pematuhan dan Audit Kewangan dan Pengurusan. Di bawah pimpinan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, sistem ini menyepadukan proses yang berkesan dengan pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang bertumpu prestasi; termasuk semakan ke atas kecukupan dan keberkesanan sistem pada setiap peringkat Pengurusan dan seluruh Unit Perniagaan.

Bentuk dan skop pengurusan risiko dan kawalan dalaman bagi tahun 2017 dinyatakan di bawah.

## PROSES ERM PNB




### PENGURUSAN RISIKO

#### Rangkuman

Pengurusan risiko merupakan bahagian penting model perniagaan PNB dan kami komited untuk melaksanakan sistem pengurusan risiko yang mantap melalui rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi (ERM). Rangka kerja ini menyediakan persekitaran kawalan yang kukuh melalui pelaksanaan sistem yang sesuai dan proses penilaian risiko untuk menguruskan risiko. Unsur utama proses ERM yang berkesan adalah seperti berikut:

- Proses Penilaian Risiko: Proses keseluruhan untuk mengenal pasti risiko, analisis risiko dan penilaian risiko yang didokumenkan dalam Daftar Risiko.
- Pemantauan dan Semakan Risiko: Daftar Risiko dan KRI digunakan oleh pihak pengurusan sebagai instrumen untuk memantau dan mengurus perubahan dalam pendedahan risiko sepanjang masa.

## PENYATA PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

Fungsi pengurusan risiko yang bebas dan penjajaran yang hampir kepada perniagaan dapat memastikan pemantauan risiko yang konsisten dan berkesan. Kami berhasrat untuk:

- melaksanakan proses pengurusan risiko yang menyeluruh yang menyediakan rangka kerja untuk meningkatkan daya tahan organisasi dan memastikan fungsi penting perniagaan tetap beroperasi;
- membangunkan dan mengekalkan pelan pengurusan peristiwa dengan tahap kesediaan yang tinggi agar terlindung daripada gangguan kewangan dan fizikal; dan
- membangunkan dan mengekalkan budaya risiko proaktif yang diterapkan dalam Kumpulan, dengan set kemahiran dan kelayakan yang sesuai.

### MODEL TIGA BARISAN PERTAHANAN KUMPULAN PNB




Pengenalpastian, dokumentasi, pengemukaan dan pengurusan isu-isu risiko.

Membangunkan & mengekalkan rangka kerja pengurusan risiko;

Cabaran berkesan terhadap aktiviti dan keputusan yang memberi kesan secara ketara kepada Profil Risiko Kumpulan; dan

Garis pelaporan bebas untuk mengemukakan isu-isu kepada jawatankuasa pemantauan yang sewajarnya.

Kesesuaian, keberkesanan dan kecukupan pengurusan risiko, termasuk:

- Rangka kerja pengurusan risiko digunakan untuk menyokong pembuatan keputusan;
- Barisan pertahanan pertama dan kedua berfungsi dengan berkesan; dan
- Penambahbaikan untuk barisan pertahanan pertama dan kedua dikenal pasti dan dicadangkan.

### STRUKTUR TADBIR URUS RISIKO

Struktur tadbir urus risiko PNB mencontohi Model **Tiga Barisan Pertahanan.**

### PEMANTAUAN PENGURUSAN KANAN

#### Lembaga Pengarah (BOD)

BOD PNB bertanggungjawab untuk menetapkan objektif dan dasar berkaitan dengan pengurusan risiko dan menentukan nada pengurusan teratas untuk memupuk persekitaran pengurusan risiko yang baik dan fungsi pengurusan risiko yang berpengaruh dan dihormati. BOD akan memastikan sistem pengurusan risiko dalam Kumpulan cukup mantap untuk menghadapi perubahan dalam persekitaran perniagaan.

BOD telah menugaskan tanggungjawabnya kepada beberapa jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), yang juga dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan, iaitu RMSC. Namun begitu, BOD memperakui tanggungjawab keseluruhannya ke atas pengwujudan dan pemantauan rangka kerja ERM PNB.

#### Jawatankuasa Pengurusan Risiko

RMC bertanggungjawab membantu BOD dengan menyelia dan meluluskan pembangunan dan pengekalan kesemua rangka kerja dan aktiviti pengurusan risiko yang sedang berlangsung.

RMC ditugaskan dengan tanggungjawab untuk menilai, mengenal pasti, mengukur dan memantau keseluruhan pendedahan risiko Kumpulan dan memastikan tahap pengurangan risiko yang mencukupi disediakan.

#### Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko (RMSC)

RMSC adalah sebuah Jawatankuasa Pengurusan, yang dipengerusikan oleh Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan. RMSC akan bertanggungjawab secara langsung untuk menyokong, menyelaras dan memantau semua program pengurusan risiko Kumpulan, seperti yang ditugaskan oleh RMC. RMSC juga akan mengemukakan sebarang cadangan kepada BOD, melalui RMC, bagi semua perkara berkaitan dengan aktiviti pengurusan risiko di bawah bidang kuasanya atau seperti yang diarahkan oleh BOD.

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

## RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO PNB




## PENGURUSAN RISIKO

### Rangka kerja ERM PNB

PNB mengamalkan pendekatan strategik dan konsisten dalam menguruskan risiko di seluruh Kumpulan menerusi rangka kerja ERM dan aktiviti berkaitan, sejajar dengan penciptaan nilai dan perlindungan aset Kumpulan.

Rangka kerja ERM menyediakan pendekatan untuk melakar proses mengenal pasti, menilai, memantau dan menguruskan risiko dalam Kumpulan. Ini memastikan PNB mengoptimumkan pulangannya dari aktiviti pengambilan risiko dalam lingkungan tahap selera risiko yang diluluskan oleh BOD.

Objektif utama pembentukan rangka kerja ERM yang berstruktur dan bersepadu dinyatakan di bawah:
- Untuk mengenal pasti, menganalisis dan memahami setiap risiko material pada setiap peringkat dalam Kumpulan;
- Memastikan risiko diuruskan sejajar dengan selera risiko Kumpulan;
- Menerapkan pengurusan risiko dalam pembuatan keputusan harian;
- Memastikan strategi, dasar kawalan operasi berkesan dan mitigasi lain yang bersesuaian diwujudkan serta beroperasi dengan berkesan; dan
- Memudah cara budaya risiko yang proaktif.

### Rangka Kerja Selera Risiko Kumpulan

Selera risiko merupakan jumlah dan jenis risiko yang sedia ditanggung oleh PNB dalam usaha mencapai objektif perniagaannya. Rangka kerja ini digunakan untuk menjelaskan Penyata Selera Risiko PNB dengan langkah dan metodologi yang dicadangkan. Selanjutnya, langkah Penyata Selera Risiko akan diterapkan ke dalam struktur pengurusan risiko PNB dan digabungkan ke dalam objektif dan operasi perniagaan PNB dengan tujuan:
- Untuk menyatakan jenis dan kuantum risiko yang dihadapi oleh PNB, berdasarkan nilai terasnya, strategi dan kecekapan pengurusan risiko serta jangkaan pemegang saham;
- Untuk merumus had sensitif risiko yang menjurus ke peringkat perniagaan dan jenis risiko; dan
- Untuk menentukan penampan risiko yang mencukupi untuk menyokong senario tekanan yang sejajar dengan selera risiko PNB.

### Dasar Petunjuk Risiko Utama (KRI)

KRI digunakan oleh pengurusan sebagai alat untuk memantau dan menguruskan perubahan dalam pendedahan risiko utama dari semasa ke semasa. Ia memberi kefahaman kepada pendedahan risiko, kelemahan operasi dan kawalan operasi perniagaan melalui pemantauan terhadap pendorong utama pendedahan yang berkaitan dengan risiko utama. KRI bertindak meluas sebagai bendera amaran awal kepada potensi risiko dan isu kawalan yang mungkin timbul dalam persekitaran perniagaan semasa.

### Rangka Kerja Risiko Pasaran & Kecairan (MLR)

Rangka kerja MLR yang kukuh akan membantu PNB melindung nilai daripada risiko kerugian dalam kedudukan yang berpunca daripada pergerakan harga pasaran dan untuk meningkatkan keupayaannya untuk menahan kejutan kecairan yang teruk. Pendekatan yang mantap ke arah pengurusan risiko pasaran adalah untuk memastikan risiko dikenal pasti, dinilai dan langkah yang sesuai disediakan untuk mengurangkan risiko dan meminimumkan kerugian semasa keadaan pasaran yang buruk.

Risiko kecairan boleh ditakrifkan sebagai potensi kerugian kepada institusi yang timbul daripada ketidakupayaan untuk memenuhi kewajibannya atau untuk membiayai peningkatan aset. Risiko kecairan diuruskan melalui pendekatan 'atas-bawah' dan 'bawah-atas' pengukuran aktif dan penilaian sumber serta penggunaan dana dengan pemahaman tentang bagaimana pendekatan PNB untuk pengurusan kecairan boleh mempengaruhi risiko dan pulangan keseluruhan.

## PENYATA PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

### Rangka Kerja Risiko Reputasi

Kumpulan PNB mentakrifkan risiko reputasi sebagai "risiko di mana reputasi Kumpulan PNB dicemari oleh satu atau lebih peristiwa yang digambarkan dengan publisiti negatif mengenai amalan, tatalaku, atau prestasi perniagaan PNB." Publisiti negatif ini boleh menjejaskan keyakinan pemegang unit dan pemegang kepentingan Kumpulan yang lain. Bidang utama risiko reputasi Kumpulan PNB diwakili oleh Pemacu Risiko Reputasi. Setiap pemacu diberikan pemberat dan ditandakan dengan senarai Penunjuk Risiko Reputasi untuk dipantau dalam pelbagai bidang perniagaan dalam Kumpulan PNB.

### Dasar Pengurusan Insiden (IMP)

IMP PNB menyatakan keperluan minimum dan proses untuk mengenal pasti, merekod, melapor dan mengurus insiden dalam PNB. Objektif IMP adalah:
- untuk meminimumkan kesan, pendedahan kepada kerugian, dan gangguan yang disebabkan oleh insiden yang menjejaskan Kumpulan; dan
- untuk memastikan semua pemegang kepentingan utama dimaklumkan dan terlibat sewajarnya dalam penyelesaian insiden.

"Insiden" ditakrifkan sebagai risiko operasi atau peristiwa pematuhan yang disebabkan oleh kawalan dalaman, orang, sistem, proses atau peristiwa luar yang berpotensi menyebabkan kesan kewangan, reputasi atau pengawalseliaan terhadap PNB. Ini termasuk peristiwa yang hampir-hampir berlaku yang boleh mengakibatkan kerugian kewangan. Sekiranya berlaku krisis, IMP mempunyai pautan terus dengan Pelan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM).




- Program latihan
- Menjalankan Latihan
- Penyelenggaraan, Semakan, Audit

- Analisis Kesan Perniagaan
- Menganggar Keperluan Kesinambungan
- Penilaian risiko

- Pelan pengurusan insiden
- Membangunkan Pelan Kesinambungan Perniagaan

- Menentukan Strategi Kesinambungan Perniagaan
- Penggabungan Tahap Sumber
- Semakan Pemulihan Bencana IT

### Rangka kerja Pengurusan Risiko Operasi (ORM)

Elemen utama rangka kerja ORM adalah seperti berikut:

- **Pengurusan Risiko Operasi**

  Menggariskan proses untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan mengurus risiko operasi dalam PNB. Bersandarkan hal ini, rangka kerja ORM menyumbang kepada pengurusan hasil prestasi dan menyokong pembuatan keputusan dalam perniagaan. ORM mengukur risiko kerugian dari proses dalaman, orang dan sistem yang tidak mencukupi atau gagal, atau dari peristiwa luaran. Kerugian operasi adalah kerugian kewangan sebenar yang timbul daripada risiko operasi.

  PNB menggunakan ORM dengan objektif berikut:
  - untuk mengurus risiko operasi sejajar dengan selera risiko Kumpulan;
  - untuk memacu penambahbaikan perniagaan melalui pengurusan risiko operasi yang berkesan; dan
  - untuk mengenal pasti dan mengurus risiko yang boleh menghalang keupayaan PNB untuk mencapai matlamat perniagaannya.

- **Dasar Pengurusan Kesinambungan Perniagaan**

  Dasar ini menggariskan keperluan minimum serta peranan dan tanggungjawab BCM dalam kumpulan PNB. PNB melaksanakan BCM dengan objektif berikut:
  - untuk mengekalkan penakatan organisasi semasa krisis atau bencana dengan memudah cara penyambungan proses kritikal perniagaan tepat pada masanya;
  - untuk memastikan operasi utama diteruskan pada tahap yang sesuai;
  - untuk memastikan pembekalan produk dan perkhidmatan utama terus dikekalkan pada tahap yang sesuai; dan
  - untuk melindungi reputasi dan imej Kumpulan.

Pelan BCM dipantau, diuji dan dimaklumkan secara berterusan kepada semua peringkat untuk memastikan Kumpulan bersedia sekiranya berlaku krisis atau bencana.

### INISIATIF UTAMA PENGURUSAN RISIKO YANG DILAKSANAKAN PADA 2017

Berikut adalah inisiatif utama yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengurusan Risiko pada tahun 2017, sejajar dengan objektif dan pelan strategi PNB:
- Penambahan kepada Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi, meliputi:
  1. KRI PNB;
  2. Rangka kerja IMP & ORM; dan
  3. Pelan Pengurusan Krisis bagi Kumpulan PNB meliputi gangguan fizikal, kewangan dan teknologi (keselamatan siber).

- Menerapkan budaya risiko proaktif dalam organisasi melalui komunikasi berkesan terhadap semua peringkat dengan menjalankan latihan penilaian risiko, sesi taklimat bersama kakitangan, pemakluman melalui emel dan latihan simulasi BCM.

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

## FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman PNB, yang melapor kepada Jawatankuasa Audit, dilaksanakan oleh Jabatan Audit Kewangan dan Pengurusan (FMAD). Tanggungjawab utama FMAD adalah untuk menyediakan perkhidmatan asurans dan perundingan secara bebas dan objektif yang dirangka untuk menambah nilai dan menambah baik operasi Kumpulan PNB dengan memastikan pengurusan risiko, kawalan dalaman dan prosedur yang ditetapkan dipatuhi. Hal ini dicapai dengan menjalankan audit kewangan, operasi dan sistem maklumat secara berterusan terhadap jabatan-jabatan utama yang berkaitan dengan pelaburan, unit amanah, hartanah dan sistem maklumat, serta jabatan perkhidmatan sokongan lain Kumpulan PNB. Aktiviti audit ini memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah mengenai kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus korporat. Ia juga menyediakan pihak pengurusan dengan peluang penambahbaikan bagi meningkatkan sistem sedia ada dan mengurangkan risiko kekurangan yang dikenal pasti.

FMAD merupakan sebahagian daripada Bahagian Asurans Dalaman. Ketua Asurans Dalaman melapor secara fungsian kepada Jawatankuasa Audit dan secara pentadbiran kepada Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan. Jabatan ini berfungsi secara bebas dalam menetapkan skop audit, melaksanakan kerja audit dan memaklumkan keputusan kepada Jawatankuasa Audit. Jabatan ini tidak terlibat dalam pembangunan atau pelaksanaan dasar dan prosedur atau sistem baharu dan kuasa pengurusannya hanya berkait dengan fungsi audit dalaman sahaja.

## SKOP KERJA

FMAD membangunkan pelan audit berasaskan risiko bagi tahun dalam tinjauan yang merangkumi perkhidmatan asurans dan perundingan, yang kemudian disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit. Pelan audit tahunan disejajarkan dengan objektif dan strategi PNB. Skop kerja audit adalah untuk menentukan bahawa kawalan dalaman, pengurusan risiko, sistem maklumat dan prosedur sistem PNB berfungsi secara operasi bagi memastikan:

- Aset dilindungi;
- Risiko dikenal pasti dan diuruskan;
- Kebolehpercayaan dan integriti maklumat kewangan dan operasi, dan penentuan dengan jelas kaedah yang diguna pakai untuk mengenal pasti, mengukur, memperjelas dan melaporkan maklumat tersebut;
- Sistem yang diwujudkan mematuhi dasar, pelan, prosedur dan peraturan yang mempunyai kesan ketara ke atas operasi dan laporan;
- Kecekapan sumber yang digunakan dalam bidang berkaitan; dan
- Keputusan operasi atau program adalah konsisten dengan objektif atau matlamat yang telah ditetapkan dan sama ada operasi atau program tersebut dilaksanakan seperti yang dirancang.

## AKTIVITI PADA 2017

Bagi memastikan pematuhan terhadap dasar dan prosedur, undang-undang dan peraturan yang berkaitan, pelbagai aktiviti audit telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan di seluruh bahagian dan jabatan dalam Kumpulan PNB iaitu:

- Pengurusan Aset – termasuk pengesahan urus niaga serta pengesahan pelaburan secara fizikal dan elektronik;
- Pelaburan Strategik – termasuk ekuiti awam dan pelaburan persendirian;
- Operasi Unit Amanah yang diuruskan oleh PNB dan syarikat-syarikat subsidiarinya
  – termasuk pengurus unit amanah dan pengiraan pengagihan pendapatan yang dibayar kepada pemegang unit skim unit amanah; dan
- Harta/Hartanah, serta operasi amanah hartanah.

Oleh kerana Kumpulan PNB sangat bergantung kepada IT dalam operasi hariannya, audit IT merupakan bidang audit teras dan aktiviti audit secara berterusan meliputi aktiviti berkaitan dengan IT termasuk tadbir urus IT, kawalan, penyumberan luar, operasi pusat data, keselamatan siber dan kesinambungan perniagaan.

Pada tahun ini, FMAD terlibat secara aktif dalam pemindahan dana ASB daripada Sistem Unit Amanah kepada Sistem Pengagihan Dana. Juruaudit dalaman turut terlibat secara aktif dalam satu lagi projek IT utama iaitu pembangunan Portal ASNB.

Sebagai sebahagian daripada pengurusan kesinambungan perniagaan, PNB menjalankan ujian pemulihan bencana bagi sistem aplikasi utama untuk memastikan PNB dalam keadaan bersedia sekiranya berlaku bencana atau krisis. Dalam tahun ini, latihan mobilisasi pengurusan kesinambungan perniagaan turut dijalankan. Aktiviti-aktiviti tersebut turut disertai oleh juruaudit dalaman sebagai pihak bebas untuk memerhatikan sama ada objektif yang ditetapkan telah dicapai dan untuk memberikan penilaian bebas terhadap pelaksanaan latihan secara keseluruhan.

Kerja audit juga meliputi perkhidmatan sokongan, termasuk perkhidmatan kewangan, aktiviti pemerolehan, pemberian nasihat undang-undang dalaman, komunikasi, sumber manusia dan latihan mengenai pencegahan pengubahan wang haram dan pembanterasan pembiayaan keganasan, sistem maklumat termasuk semua pembangunan sistem, penyelenggaraan, rangkaian dan fungsi berkaitan IT yang lain, dan syarikat terpilih dalam Kumpulan Syarikat PNB. Dalam tahun ini, kerja audit termasuk audit ke atas syarikat-syarikat subsidiari yang dikenal pasti dalam sektor pelaburan hartanah, pembangunan hartanah dan hospitaliti.

FMAD juga menjalankan audit susulan secara tetap terhadap status pelan tindakan pengurusan untuk menangani perkara-perkara yang diketengahkan dalam laporan audit. Audit susulan tersebut memastikan tindakan pembetulan diambil untuk membetulkan isu-isu yang dikenal pasti semasa pengauditan. FMAD mengemukakan keputusan audit yang dirancang, audit susulan serta audit khas secara tetap kepada Jawatankuasa Audit.

Pada tahun ini, Semakan Asurans Kualiti (QAR) telah dijalankan di FMAD oleh perunding luaran bebas untuk menilai dan mempertingkatkan operasi jabatan. Keputusan QAR tersebut, yang akan diketahui pada tahun 2018, akan diguna pakai oleh jabatan untuk menambah baik operasi dan mempertingkatkan keseluruhan tadbir urus korporat PNB.

# PENYATA PEMATUHAN

## PENYATA DASAR DAN PEMATUHAN KORPORAT

Demi menjaga kepentingan lebih 13 juta pemegang unit, adalah penting bagi PNB untuk mengamalkan piawaian tadbir urus dan pematuhan yang tertinggi mengikut keperluan undang-undang dan pihak berkuasa kawal selia. Selaras dengan visi PNB untuk menjadi Firma Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia, pematuhan dengan piawaian etika yang tinggi serta kewajipan undang-undang dan pengawalseliaan merupakan asas bagi memelihara integriti reputasi kami. kami.

Oleh itu, pendekatan yang sistematik dan jelas perlu diwujudkan dan dilaksanakan bagi memastikan pematuhan terhadap semua undang-undang, peraturan dan garis panduan, dasar dan prosedur dalaman dan piawaian etika yang berkaitan.

## STRUKTUR TADBIR URUS PEMATUHAN

Pegawai Pematuhan melaksanakan tanggungjawab utama untuk mewujudkan, melaksanakan, mengendali dan memantau Program Pematuhan bagi Kumpulan PNB. Sementara itu, Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah menyelia Pegawai Pematuhan dan memantau pelaksanaan dan pengendalian Program Pematuhan oleh Jabatan Pematuhan.

## RANGKUMAN PROGRAM PEMATUHAN

Program Pematuhan telah diwujudkan dan dilaksanakan berdasarkan elemen asas yang dinyatakan dalam Garis Panduan Fungsi Pematuhan bagi Syarikat Pengurusan Dana yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Program Pematuhan kami adalah komponen utama dalam komitmen kami untuk mencapai piawaian tatalaku korporat yang tertinggi. Ia dirancang dengan sewajarnya untuk memupuk pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkenaan, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan keperluan lain yang berkaitan dengan perniagaan kami. Memandangkan Program Pematuhan kami adalah dinamik, kami sentiasa menyemak dan mempertingkatkannya bagi memenuhi piawaian pematuhan yang sentiasa berubah-ubah. Elemen asas Program Pematuhan kami diterangkan dengan lebih terperinci seperti berikut:

### 1. Manual Pematuhan

Manual Pematuhan kami dibangunkan dengan tujuan untuk memberikan panduan kepada kakitangan, dalam semua peranan dan tanggungjawab, bagi membantu untuk mencapai dan mengekalkan pematuhan terhadap semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan ketika menjalankan operasi harian mereka. Manual ini juga menyatakan jangkaan tindakan yang mesti dipenuhi oleh pengurusan, kakitangan dan ejen PNB menurut undang-undang, serta semua dasar, prosedur dan garis panduan syarikat yang berkaitan.

### 2. Pendidikan dan Latihan

PNB komited untuk memaklumkan para pengarah dan kakitangan kami mengenai piawaian, dasar, prosedur dan garis panduan kami. Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk memupuk budaya pematuhan, kami menyediakan pendidikan dan latihan kepada kakitangan baharu dan sedia ada dalam pelbagai topik yang berkaitan dengan pematuhan. Program latihan disemak dan dikemas kini secara berkala, dan bidang-bidang latihan juga ditambah dari semasa ke semasa.

### 3. Perhubungan dengan Pihak Berkuasa Kawal Selia

Apabila berurusan dengan pihak berkuasa kawal selia, Jabatan Pematuhan komited dalam memastikan PNB dan kakitangannya mengamalkan nilai dan piawaian etika yang tinggi dalam melaksanakan tugas mereka. Adalah menjadi tanggungjawab dan komitmen kami untuk mengemukakan laporan yang diperlukan oleh pihak berkuasa kawal selia tepat pada masanya dan berkesan.

### 4. Semakan dan Nasihat Pematuhan

Dalam memastikan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan garis panduan sekuriti yang berkaitan, serta pengesanan awal dan pencegahan sebarang pelanggaran, kami menjalankan semakan dan pemantauan pematuhan ke atas unit-unit perniagaan dalam Kumpulan PNB dengan menggunakan pendekatan berasaskan risiko dan, jika perlu, menasihati bidang tertentu yang memerlukan penambahbaikan. Semakan pematuhan juga dilakukan untuk memenuhi keperluan bagi memberi jaminan dan keselesaan kepada pemegang kepentingan mengenai status pematuhan PNB terhadap undang-undang, aturan dan peraturan yang berkenaan.

### 5. Pengawasan terhadap Hal-hal Berkaitan Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembanterasan Pembiayaan Keganasan

Dengan mematuhi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, PNB telah mewujudkan dasar dan prosedur Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembanterasan Pembiayaan Keganasan (AMLA) yang telah dilaksanakan di seluruh Kumpulan. Kami menjalankan semakan dan pemantauan terhadap sebarang urus niaga mencurigakan yang mungkin dilakukan oleh pemegang unit yang kini berjumlah seramai 13 juta. Pelaksanaan ini juga adalah untuk memastikan produk kami tidak digunakan sebagai saluran kepada aktiviti AMLA.

# LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH

**JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH (JPS) PERMODALAN NASIONAL BERHAD** dengan ini mengisytiharkan bahawa produk-produk (yang tersenarai di bawah) yang diuruskan oleh **AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD** (ASNB), anak syarikat milik penuh PNB, mematuhi keperluan Syariah berpandukan prinsip-prinsip Maqasid Syariah dan Siyasah Syar'iyyah.

| Harga Tetap | |
|---|---|
| 1<br>Amanah Saham Bumiputera | 4<br>Amanah Saham Didik |
| 2<br>Amanah Saham Malaysia | 5<br>Amanah Saham 1Malaysia |
| 3<br>Amanah Saham Wawasan 2020 | 6<br>Amanah Saham Bumiputera 2 |

| Harga Berubah | |
|---|---|
| 1<br>Amanah Saham Nasional | 4<br>Amanah Saham Gemilang – Pendidikan |
| 2<br>Amanah Saham Nasional 2 | 5<br>Amanah Saham Gemilang – Kesihatan |
| 3<br>Amanah Saham Nasional 3 | 6<br>Amanah Saham Gemilang – Persaraan |

Laporan ini dibuat berpandukan maklumat yang disediakan dan didedahkan kepada kami dalam laporan 'Status Pelaburan PNB dan Dana Unit Amanah dalam Sekuriti Patuh Syariah atas Dasar Maqasid Syariah dan Siyasah Syar'iyyah' ketika mesyuarat JPS PNB yang diadakan pada tahun 2017 seperti berikut:

| 01 | 02 | 03 | 04 |
|---|---|---|---|
| 21 Januari 2017 | 13 April 2017 | 10 Ogos 2017 | 17 Oktober 2017 |

## JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH PNB

| PENGERUSI | | | |
|---|---|---|---|
| DATO' DR. ABDUL HALIM BIN ISMAIL | | | |
| Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria | Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad | Dato' As-Sheikh Haji Nooh bin Gadot | Profesor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Abdul Majid |

Nota: Dato' Dr. Abdul Halim bin Ismail bersara sebagai Pengerusi JPS PNB pada 31 Disember 2017. Datuk Dr. Mohd Daud bin Abu Bakar kemudiannya dilantik pada 1 Januari 2018 sebagai Pengerusi baharu JPS PNB, manakala Dr. Aida binti Othman juga telah dilantik sebagai ahli tambahan Jawatankuasa tersebut pada tarikh yang sama.

# SISTEM PENGURUSAN KUALITI

## SISTEM PENGURUSAN KUALITI

Sebagai syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dan penjaga kepada kekayaan 13 juta pemegang unitnya di Malaysia, adalah penting PNB mempunyai sistem pengurusan kualiti yang menetapkan piawaian yang tinggi dan memberikan jaminan untuk semua produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kumpulan PNB.

Sistem pengurusan kualiti merupakan asas kepada jaminan kualiti dalam organisasi dan pewujudan proses yang berfungsi dengan harmoni, menggunakan pelbagai sumber untuk melaksanakan matlamat kualiti.

Pada bulan September 2015, piawaian ISO 9001: 2015 telah diterbitkan untuk menggantikan versi sebelumnya ISO 9001: 2008. Terbitan 2015 ini penting kerana terdapat perubahan asas kepada struktur dan kandungannya, dan ia memperkenalkan konsep berasaskan risiko untuk memastikan pelanggan kekal sebagai keutamaan organisasi.

Pada 2017, PNB berjaya menyempurnakan peralihan ISO 9001:2015 bagi semua syarikat dan bahagian yang disahkan, iaitu PNB Asset Management dan Bidang Berkaitan (PNB AMRA), Bahagian Harta, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (PHNB), PNB Perdana Hotel & Suites On The Park Kuala Lumpur (PNBPKL), Hotel Perdana Kota Bharu (HPKB) dan PNB Ilham Resort Port Dickson.

Penaikan taraf audit pensijilan oleh SIRIM mendapati pematuhan penuh, yang menunjukkan kecekapan sistem pengurusan kualiti PNB. Pelaksanaan piawaian baharu tersebut mempamerkan komitmen penuh PNB untuk menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti, meningkatkan kepuasan pelanggan dan produktiviti untuk dimanfaatkan oleh 13 juta pemegang unit dan rakyat Malaysia amnya.

Di samping piawaian ISO 9001:2015, PNB juga mengekalkan MS 1900:2014 – Pensijilan QMS berasaskan Syariah bagi PNBPKL, HPKB dan PNB Ilham Resort untuk menambah baik ketekalan proses dengan prinsip Islam dan meningkatkan kepuasan dan keyakinan pelanggan, khususnya dalam kalangan pemegang kepentingan yang memberi perhatian kepada hal-hal yang berkaitan Syariah.

Di samping pensijilan ISO, pembangunan dan penggunaan Prosedur Operasi Standard (SOP) juga memainkan peranan penting ke arah kejayaan sistem pengurusan kualiti, dan perlu untuk keberkesanan dan kecekapan organisasi. SOP menyediakan maklumat untuk melaksanakan kerja dengan tepat dan secara konsisten untuk mencapai keperluan yang ditentukan terlebih dahulu dan hasil yang berkualiti. SOP juga berperanan sebagai kaedah komunikasi asas mengenai operasi organisasi yang membolehkan pengurusan dan kakitangan memperoleh gambaran seluruh fungsi organisasi.

Dengan menggunakan pendekatan berasaskan risiko, PNB telah mewujudkan SOP di peringkat jabatan sejajar dengan dasar-dasar yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah seperti yang disenaraikan dalam jadual berikut.

| Bilangan | Bil. | Jabatan | SOP |
|---|---|---|---|
| Pengurusan Aset | 1. | Pengurusan Aset | ✓ |
| | 2. | Analisis Pelaburan | ✓ |
| | 3. | Operasi Pasaran Ekuiti | ✓ |
| | 4. | Pendapatan Tetap | ✓ |
| | 5. | Antarabangsa | ✓ |
| | 6. | Ekonomi | ✓ |
| Pelaburan Strategik | 7. | Perkhidmatan Korporat | ✓ |
| | 8. | Ekuiti Awam | ✓ |
| | 9. | Pelaburan Persendirian & Projek Khas | ✓ |
| Harta/ Hartanah | 10. | Hartanah Domestik & Antarabangsa | ✓ |
| | 11. | Projek Khas Hartanah | ✓ |
| | 12. | Pengurusan Fasiliti & Perkhidmatan Am | ✓ |
| Kewangan Kumpulan | 13. | Kewangan | ✓ |
| | 14. | Perolehan | ✓ |
| | 15. | Pemprosesan Pelaburan | ✓ |
| Modal Insan | 16. | Operasi & Pentadbiran HR | ✓ |
| | 17. | Perancangan & Pembangunan Modal Insan | ✓ |
| Pengurusan Risiko | 18. | Pengurusan Risiko | ✓ |
| Setiausaha Syarikat & Perundangan | 19. | Setiausaha Syarikat | ✓ |
| | 20. | Perundangan | ✓ |
| Asurans Dalaman & Perundangan | 21. | Kualiti, Organisasi & Kaedah | ✓ |
| | 22. | Organisasi & Kaedah | ✓ |
| | 23. | Pematuhan | ✓ |
| | 24. | Audit Kewangan & Pengurusan | ✓ |
| Sistem Maklumat Pengurusan | 25. | Sistem Aplikasi Perniagaan | ✓ |
| | 26. | Sistem Aplikasi Teras | ✓ |
| | 27. | Arkitek & Perkhidmatan IT | ✓ |
| | 28. | Pengurusan Perkhidmatan IT | ✓ |
| | 29. | Pejabat Pengurusan Program | ✓ |
| | 30. | Perkhidmatan Sokongan Teknologi | ✓ |
| Hal Ehwal Korporat & Komunikasi | 31. | Komunikasi | ✓ |
| | 32. | Pendidikan | ✓ |
| | 33. | Penyelidikan | ✓ |
| Pengurusan Syariah | 34. | Pengurusan Syariah | ✓ |
| Pengerusi & Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan | 35. | Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan | ✓ |

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## TERAS CSR PNB

Strategi CSR PNB mempunyai tiga teras iaitu kecelikan kewangan, pendidikan, dan kedermawanan. Teras kecelikan kewangan mewujudkan kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia mengenai kepentingan menabung dan melabur untuk masa depan. Teras pendidikan bermatlamat untuk mewujudkan kumpulan bakat yang berkemahiran tinggi dan berkeupayaan untuk industri perkhidmatan kewangan negara manakala teras kedermawanan menyalurkan sumbangan kewangan PNB untuk kesejahteraan masyarakat.

TERAS

### KECELIKAN KEWANGAN

- Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM)
- Fiesta Labur PNB
- Seminar Pelaburan 360 Hari
- Hibur & Labur Bersama PNB
- Kelab Pelaburan Bijak PNB
- Kuiz Pelaburan PNB

### PENDIDIKAN

Program Profesional:
- Program Akauntan Bertauliah PNB (PCA)

Program Biasiswa
- Anugerah Biasiswa Perdana YTI
- Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB
- Insentif Dermasiswa Anak Bangsa PNB (i-DAB-PNB) / Anugerah Biasiswa (Tempatan) PNB
- Program Biasiswa PNB-Kolej Ilmu
- Anugerah Biasiswa Anak-anak Kakitangan PNB

Program Lain:
- Program SL1M
- Kerusi Profesor YTI

### KEDERMAWANAN

Derma & Tajaan:
- Pendidikan
- Pembangunan Masyarakat
- Aktiviti Keagamaan

Seni, Budaya & Warisan:
- Amanah Warisan
- Kesenian & Budaya

Perubatan & Penjagaan Kesihatan:
- Pusat Pengimejan Institut Jantung Negara (IJN)
- Pusat Hemodialisis (Tapah, Temerloh, Slim River & Nilai)

Perumahan Mampu Milik:
- PNB Value Homes

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## TERAS 1 : KECELIKAN KEWANGAN

Sebagai sebuah institusi pelaburan utama di negara ini, PNB berusaha untuk mewujudkan masa depan yang terjamin dari segi kewangan untuk negara dan rakyatnya. Ini memerlukan kecelikan kewangan yang meluas, iaitu pemahaman mengenai asas-asas perancangan kewangan termasuk bagaimana untuk menabung, membuat belanjawan dan melabur.

PNB berhasrat untuk mendekati semua rakyat Malaysia dan memberi mereka maklumat dan instrumen yang diperlukan untuk menyemai asas kewangan yang lebih kukuh untuk masa depan mereka. Aktiviti CSR, yang bertujuan untuk meningkatkan kecelikan kewangan, telah wujud sejak dana unit amanah pertama dilancarkan pada tahun 198l. Pada masa itu, dana unit amanah harga tetap yang inovatif merupakan produk baharu di pasaran dan konsep melabur untuk jangka panjang tidak difahami secara meluas.

PNB meningkatkan kesedaran melalui program pendidikan yang bersistematik dan berstruktur yang dirangka untuk mendidik orang ramai tentang pelaburan, perancangan kewangan dan ciri-ciri unik dana unit amanahnya dari semasa ke semasa.

Meningkatkan kecelikan kewangan memerlukan usaha berdedikasi yang berterusan, gabungan maklumat, sumber dan konsep yang bersesuaian dengan umur yang dikhususkan mengikut situasi peribadi dan aspirasi individu.

Teras ini merangkumi komitmen PNB terhadap pendidikan kecelikan kewangan yang berterusan untuk rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat. Untuk mendekati orang awam, aktiviti CSR diadakan di sekolah, universiti, syarikat dan ketika penganjuran acara khusus yang seperti MSAM tahunan yang amat popular.

**MSAM TEMERLOH, PAHANG**

Bil. pengunjung:

**208,000**

Pembabitan Syarikat Pelaburan:

**50**

Syarikat/organisasi/ agensi mengambil bahagian

### MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA

MSAM atau Minggu Saham Amanah Malaysia merupakan acara mega tahunan, yang bermatlamat untuk mendidik orang ramai mengenai kecelikan kewangan termasuk perancangan kewangan, konsep risiko dan pulangan serta kaedah pelaburan seperti dana unit amanah. MSAM pertama telah diadakan pada 20 April 2000 dan sejak itu telah diadakan pada hari yang sama, setiap tahun, di pelbagai lokasi di seluruh negara. Acara selama seminggu ini selalu diterima dengan baik, dan jumlah peserta selalu melampaui jangkaan.

MSAM disokong oleh beberapa syarikat korporat terbesar, badan kawal selia, agensi kerajaan dan kerajaan negeri. Acara mesra keluarga ini mensasarkan rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat dan pengunjung daripada semua peringkat umur boleh mengambil bahagian dalam permainan dan kuiz, dan berinteraksi dengan kakitangan PNB dan wakil dari syarikat strategik. Melalui MSAM, pemegang unit PNB memperoleh peluang yang unik untuk bertemu dan mempelajari syarikat yang mereka labur melalui dana unit amanah mereka.

MSAM telah pun diadakan di semua ibu negeri dan telah pun diadakan di bandar-bandar yang lebih kecil. Tahun lalu, edisi ke-18 acara ini telah diadakan di Temerloh, Pahang dan menarik seramai 208,000 pengunjung. Sejak awal penganjuran, MSAM telah berjaya menarik hampir 3.6 juta pengunjung.



# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT










## LOKASI & BILANGAN PENGUNJUNG SETIAP MSAM SEJAK TAHUN 2000




**SEJAK MULA DIANJURKAN**

BILANGAN PENGUNJUNG:

**3.6 JUTA**

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT






## FIESTA LABUR PNB

Fiesta Labur PNB yang pertama telah dilancarkan pada September 2017 di Putrajaya. Dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), karnival empat hari ini mengetengahkan kecelikan kewangan melalui aktiviti menyeronokkan dan interaktif.





## SEMINAR PELABURAN 360 HARI

Program seluruh negara ini mengajar konsep perancangan kewangan kepada semua segmen masyarakat termasuk pelajar, pekerja dan seluruh isi rumah. Peserta juga mempelajari prinsip asas pelaburan yang berjaya dan memperoleh pemahaman yang lebih baik mengenai landskap pelaburan semasa. Bahagian utama program ini ialah seminar anjuran ASNB dan diadakan pada setiap hari, termasuk hujung minggu, di lokasi yang berbeza-beza bagi para pemegang unit. Seminar ini dikendalikan oleh perancang kewangan yang berkelayakan dari ASNB, pengurus dana dan penceramah jemputan dari institusi kewangan terkemuka.




## KELAB PELABURAN BIJAK PNB 1MALAYSIA DAN KUIZ PELABURAN PNB

PNB aktif mendidik pelajar sekolah menengah sejak penubuhan Kelab Pelaburan Bijak PNB pada 2000. Kelab ini bermatlamat untuk mewujudkan kesedaran dan mendidik pelajar mengenai pelaburan dan perancangan kewangan. Kelab ini diwujudkan di 104 sekolah menengah di seluruh negara, dan menganjurkan bengkel perancangan kewangan, seminar motivasi, lawatan ke MSAM dan syarikat-syarikat sekutu PNB. Sementara itu, Kuiz Pelaburan PNB tahunan telah diadakan di sekolah menengah, universiti, institut pendidikan guru dan badan beruniform terpilih sejak 2001. Soalan kuiz ini adalah berkaitan dengan, antara lain, konsep pelaburan, perancangan kewangan, perakaunan dan ekonomi.

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## TERAS 2: PENDIDIKAN

MALAYSIA MEMERLUKAN KUMPULAN BAKAT TEMPATAN YANG BERKEMAHIRAN TINGGI UNTUK BERSAING DALAM INDUSTRI KEWANGAN BERASASKAN PENGETAHUAN YANG SEMAKIN BERSIFAT GLOBAL DAN BERDAYA SAING. PROGRAM CSR PENDIDIKAN PNB MELENGKAPKAN PARA BELIA MALAYSIA DENGAN PELUANG ABAD KE-21 MELALUI PROGRAM YANG KOMPREHENSIF UNTUK MEMENUHI MATLAMAT PEMBANGUNAN MODAL INSAN.

Pendidikan juga merupakan fokus utama kerana PNB memerlukan bakat yang cekap dan berkeupayaan dalam memenuhi misinya untuk menjadi firma pelaburan distinktif bertaraf dunia. PNB percaya bahawa pendidikan adalah penting bagi menyediakan bakat muda untuk mengharungi cabaran mendatang.

Program CSR PNB di bawah teras ini, menyediakan peluang kepada para belia Malaysia yang menginginkan pengetahuan, kemahiran dan peluang untuk berjaya. Program ini telah banyak membantu para belia Malaysia menangani halangan sosioekonomi yang menafikan peluang mereka untuk menyertai tenaga kerja mahir dan menghalang mereka daripada meningkatkan kedudukan ekonomi.

Sehingga kini, sejumlah 3,303 pemegang biasiswa telah ditaja, dan daripada jumlah tersebut, seramai 1,803 pelajar kini sedang mengikuti pengajian di peringkat universiti atau kelayakan profesional.



### INISIATIF AKAUNTAN BERTAULIAH PNB

Dalam satu aspirasi yang berani, PNB telah bertekad untuk melahirkan 1,000 akauntan bertauliah Bumiputera yang berkelayakan menjelang 2022, dengan kerjasama Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) untuk menyokong agenda kebangsaan dalam memperkasa modal insan Bumiputera. Sehingga kini, PNB telah menaja seramai 505 peserta yang telah memperoleh keputusan cemerlang, dan diiktiraf antara 10 kedudukan teratas di dunia bagi Juruteknik Perakaunan Bertauliah (CAT), Persatuan Akauntan Berkanun Bertauliah (ACCA) dan Sijil Kewangan, Perakaunan dan Perniagaan (ICAEW CFAB). Yang paling membanggakan, inisiatif Akauntan Bertauliah PNB (PCA) baru-baru ini menyaksikan seorang calon muncul sebagai pemenang anugerah di peringkat ACCA World bagi kertas Financial Reporting (F7), mengiktiraf beliau sebagai calon dengan markah tertinggi dalam subjek tersebut, bukan hanya di Malaysia malah di peringkat dunia.

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

**3,303**
pemegang biasiswa sejak dimulakan

**1,803**
pemegang biasiswa semasa

"DIMULAKAN PADA TAHUN 1996 UNTUK MENYEDIAKAN PELUANG PENDIDIKAN PERINGKAT TINGGI DAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PELAJAR YANG LAYAK UNTUK MELANJUTKAN PENGAJIAN MEREKA DI PERINGKAT UNIVERSITI DAN KELAYAKAN PROFESIONAL YANG SEJAJAR DENGAN AKTIVITI PERNIAGAAN PNB."

**ANUGERAH BIASISWA LUAR NEGARA PNB & ANUGERAH BIASISWA PERDANA YAYASAN TUN ISMAIL (YTI)**

7 universiti di United Kingdom

The London School of Economics and Political Science; University of Cambridge; UCL; Imperial College London; University of Oxford; City University of London; The University of Warwick

3 universiti di Australia

The University of Melbourne; Australian National University; The University of Queensland

**ANUGERAH BIASISWA PNB**

Universiti tempatan

Universiti Awam: 21

Universiti Swasta: 16

Kerjasama dengan UiTM

YDAB – Yayasan Destini Anak Bangsa

**INISIATIF AKAUNTAN BERTAULIAH PNB (PCA)**

Dengan kerjasama

Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera

2 penyedia pendidikan

INTEC Education College

Sunway TES Centre for Accountancy Excellence

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## PROGRAM ANUGERAH BIASISWA PNB

Program ini telah dimulakan pada tahun 1996 untuk memberi bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar yang layak untuk mengikuti pengajian tinggi dan kelayakan profesional dalam kursus yang selaras dengan aktiviti perniagaan PNB. Pelajar yang memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang akan berpeluang melanjutkan pengajian di universiti awam atau swasta terpilih.









## ANUGERAH BIASISWA LUAR NEGARA PNB DAN ANUGERAH BASISWA PERDANA YTI

Program Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB dan Anugerah Biasiswa Perdana YTI menaja pelajar cemerlang untuk melanjutkan pengajian mereka di universiti terkemuka di United Kingdom dan Australia. Pelajar yang terpilih mesti mengikuti pengajian tinggi dalam bidang disiplin yang berkaitan dengan operasi perniagaan PNB yang merangkumi perakaunan, kewangan, undang-undang, matematik, sains aktuari dan kejuruteraan.

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

### YAYASAN TUN ISMAIL MOHAMED ALI

Dilancarkan pada 10 Oktober 1999, Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali (YTI) merupakan sebuah yayasan yang ditubuhkan untuk mengiktiraf sumbangan dan dedikasi Allahyarham Tun Ismail Mohamed Ali kepada PNB, di mana beliau merupakan pengerusi pertama, dan juga kepada negara. YTI menerima dan mentadbir dana untuk tujuan pendidikan dengan memberi biasiswa kepada beberapa bakat muda yang cemerlang di negara ini yang telah mendapat tempat di universiti berprestij di United Kingdom. YTI juga telah menubuhkan Kerusi Profesor atas nama Tun Ismail Mohamed Ali di universiti-universiti tempatan yang ditentukan oleh pemegang amanahnya. YTI juga membiayai aktiviti pendidikan lain, yang juga ditentukan oleh pemegang amanahnya, seperti geran untuk mengetuai penyelidikan akademik dalam bidang-bidang terpilih. Sementara itu, aktiviti perkongsian pengetahuan dianjurkan untuk orang ramai melalui Ceramah Antarabangsa YTI.

| AKTIVITI YTI SEJAK PENUBUHAN | SOROTAN AKTIVITI PADA 2017 |
|---|---|
| Anugerah Biasiswa Perdana YTI | Anugerah Biasiswa Perdana YTI |
| Bilangan pelajar: 98 | Bilangan pelajar: 15 |
| 7 universiti berprestij serta 8 universiti lain di United Kingdom | 7 universiti berprestij di United Kingdom |

THE LONDON SCHOOL OF ECONOMICS AND POLITICAL SCIENCE · UNIVERSITY OF CAMBRIDGE · Imperial College London · UCL · THE UNIVERSITY OF WARWICK · UNIVERSITY OF OXFORD · CITY UNIVERSITY OF LONDON EST 1894

| AKTIVITI YTI SEJAK PENUBUHAN | SOROTAN AKTIVITI PADA 2017 |
|---|---|
| Kerusi Profesor YTI | Kerusi Profesor YTI |
| Pemegang Kerusi: 11 | Pemegang Kerusi: 2 |
| Tempoh: 17 | 2 Universiti Tempatan di Malaysia |
| Universiti tempatan: 4 | |

**Universiti Malaya** (Undang-undang Korporat, Sekuriti & Kewangan)

| | |
|---|---|
| Prof. Dr. John H. Farrar | Prof. Tuan Razeen Sappideen |

**Universiti Kebangsaan Malaysia** (Kewangan & Pelaburan)

| | |
|---|---|
| Prof. Dr. Abdul Mansur Mohammed Masih | Prof. Dr. S. Ghon Rhee |
| Prof. Dr. Ben Jacobson | Prof. Dr. Erik S. Reinert |

**Universiti Sains Islam Malaysia** (Kewangan & Perbankan Islam)

| | |
|---|---|
| Dr. Zamir Iqbal | Prof. Dr. Mohamed Obaidullah |
| Datuk Dr. Mohd Daud Bakar | |

**Universiti Tun Abdul Razak** (Kepimpinan)

| | |
|---|---|
| Prof. Dr. Erik van de Loo | Prof. Dr. Nicholas H. Barker |

| AKTIVITI YTI SEJAK PENUBUHAN | SOROTAN AKTIVITI PADA 2017 |
|---|---|
| Pengetahuan & Kepakaran | Pengetahuan & Kepakaran |
| Buku yang diterbitkan bagi kerusi: 6 | Buku yang diterbitkan bagi kerusi: 1 |

| | |
|---|---|
| *Board Leadership and Integrity (2013)* Prof. Dr. Erik van de Loo (UNIRAZAK) | *Corporate Governance and Boards (2015)* Prof. Dr. Erik van de Loo (UNIRAZAK) |
| *The Shaking Foundation of Finance (2015)* Prof. Dr. Ben Jacobson (UKM) | *Managing Philanthropy for Social Security and Economy Empowerment (2015)* Prof. Dr. Mohamed Obaidullah (USIM) |
| *Critical Readings in Islamic Social Finance (2016)* Prof. Dr. Mohamed Obaidullah & Dr. Nurul Aini Muhamed (USIM) | *Critical Success and Failure Factors in the Islamic Financial Industry in the 21st Century (2017)* Datuk Dr. Mohd Daud Bakar (USIM) |

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## PROGRAM ANUGERAH BIASISWA ANAK-ANAK KAKITANGAN PNB DAN BIASISWA PNB-KOLEJ ILMU

PNB juga menawarkan biasiswa kepada anak-anak kakitangan yang telah memperoleh tempat untuk belajar di universiti awam atau universiti swasta terpilih. Pemegang biasiswa program ini dibenarkan mengikuti program diploma atau ijazah sarjana muda. PNB juga menyediakan biasiswa kepada pelajar yang sebelum ini belajar di Kolej Ilmu PNB. Mereka diberi peluang untuk menyambung pengajian mereka di universiti awam, universiti swasta terpilih atau di luar negara.



## SKIM LATIHAN 1MALAYSIA (SL1M)

SL1M merupakan program khas Kerajaan yang bermatlamat untuk meningkatkan peluang pekerjaan bagi graduan Malaysia. Di sepanjang program ini, peserta mempelajari kemahiran teknikal dalam pelaburan dan kewangan serta kemahiran analitikal, penyelesaian masalah dan kemahiran komunikasi. Pengetahuan dan pendedahan menyediakan para peserta untuk kerjaya mereka khususnya dalam industri perkhidmatan kewangan. Para peserta menjalani latihan intensif bilik darjah selama dua bulan dan 10 bulan latihan kerja di PNB atau syarikat-syarikat penerima pelaburannya.

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## TERAS 3 : KEDERMAWANAN

PNB MENUMPUKAN USAHA-USAHA KEDERMAWAN KEPADA BIDANG-BIDANG YANG MEMBERI IMPAK TERBESAR KEPADA MASYARAKAT. UNTUK MENINGKATKAN STATUS SOSIOEKONOMI SERAMAI MUNGKIN RAKYAT MALAYSIA, PNB SERING BEKERJASAMA DENGAN PIHAK KERAJAAN DAN ORGANISASI LAIN BAGI MENANGANI RISIKO DAN KEPERLUAN MASYARAKAT.

Sejak penubuhannya 40 tahun lalu, PNB telah membuat pembaharuan ketara dan mampan kepada masyarakat melalui aktiviti CSR teras ini. Oleh itu, derma yang telah disumbangkan telah memanfaatkan jutaan rakyat Malaysia setiap tahun.

Dalam menangani isu-isu utama kesejahteraan sosioekonomi, sumbangan derma PNB melengkapi usaha di bawah teras kecelikan kewangan dan pendididkan bagi menyokong misi keseluruhan syarikat dalam meningkatkan kekayaan semua rakyat Malaysia.

SUMBANGAN PNB BAGI AKTIVITI KEDERMAWANAN PADA 2017




Sumbangan PNB kepada aktiviti kedermawanan pada 2017 meliputi aktiviti dalam bidang pembangunan masyarakat, pendidikan, kesenian dan budaya, serta aktiviti keagamaan.

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## PERUMAHAN MAMPU MILIK



### PNB VALUE HOMES

Perumahan mampu milik PNB merupakan inisiatif CSR PNB untuk membangunkan rumah-rumah mampu milik bagi isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana. Matlamatnya adalah untuk membina sebanyak 5,000 rumah mampu milik, berharga antara RM180,000 dan RM250,000 menjelang 2022.

PNB Value Homes Sdn Bhd telah ditubuhkan untuk menyiapkan rumah-rumah ini dan dua projek telah pun dalam rangka pembinaan. Kira-kira 1,700 rumah mampu milik daripada projek ini terletak di Port Dickson, Negeri Sembilan dan Sungai Sedu, Selangor.



**Menyiapkan**
**5,000**
Kediaman berkualiti dan mampu milik bagi kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana

**Kira-kira**
**1,700**
Unit Terletak di Port Dickson, Negeri Sembilan & Sungai Sedu, Selangor

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## PERUBATAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN

PNB JUGA TELAH MENYUMBANG DALAM SEGMEN PENJAGAAN KESIHATAN NEGARA DAN MENANGANI MASALAH KESIHATAN YANG DIHADAPI OLEH RAMAI RAKYAT MALAYSIA MELALUI DERMA BESAR KEPADA KEMUDAHAN PERUBATAN KERAJAAN. SUMBANGAN BERHARGA TERMASUK PEMBINAAN PUSAT PENGIMEJAN INSTITUT JANTUNG NEGARA (IJN) PADA 2017 DAN PEMBINAAN PUSAT-PUSAT HEMODIALISIS DI HOSPITAL KERAJAAN, SATU PUSAT PADA SETIAP TAHUN, DI TAPAH DAN TEMERLOH.

### SUMBANGAN PNB BAGI PUSAT-PUSAT HEMODIALISIS DAN PUSAT PENGIMEJAN IJN PADA 2017

RM30,000,000 | RM700,000 | RM700,000 | RM700,000 | RM84,800

1 Pembiayaan bagi pengubahsuaian, pembaharuan, peralatan dan penyelenggaraan Pusat Pengimejan IJN yang baharu di Jabatan Radiologi sedia ada.
2 Pembiayaan bagi pembelian mesin hemodialisis dan naik taraf infrastruktur Pusat Hemodialisis Hospital Tapah.
3 Kerja naik taraf Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Pusat Khidmat Hemodialisis Mentakab, Pahang.
4 Pembiayaan bagi pembelian bangunan bagi Klinik Pakar Kesihatan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk Pusat Hemodialisis.
5 Pembiayaan bagi pembelian dua mesin hemodialisis untuk Unit Hemodialisis Hospital Tanjung Malim, Slim River.



# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## ZAKAT

Dengan menunaikan zakat tahunan, PNB menyumbang kepada peningkatan taraf hidup golongan miskin. Zakat diberikan kepada negeri-negeri di mana PNB beroperasi dan jumlah zakat yang diberikan adalah berdasarkan demografi para pemegang unit dalam sesebuah negeri.

### PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN PNB




1
PAHANG
2 Februari 2017
**RM9,384,000.00**

2
NEGERI SEMBILAN
14 April 2017
**RM7,376,800.00**

3
WILAYAH PERSEKUTUAN
26 Mei 2017
**RM17,265,600.00**

4
SELANGOR
2 Jun 2017
**RM27,013,600.00**

5
MELAKA
6 Jun 2017
**RM5,384,000.00**

6
SABAH
17 Julai 2017
**RM19,365,600.00**

7
KEDAH
24 Oktober 2017
**RM11,386,400.00**

8
KELANTAN
8 November 2017
**RM11,867,200.00**

9
PERAK
9 November 2017
**RM5,865,600.00**

10
SARAWAK
10 November 2017
**RM15,631,200.00**

## PENERIMA PERINGKAT NEGERI – ZAKAT PERNIAGAAN PNB

1 Pahang, 2 Februari 2017




PENERIMA: KDYTM Tengku Mahkota Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Pemangku Raja Pahang

2 Negeri Sembilan, 14 April 2017




PENERIMA: Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Hj Mohamad Hasan

3 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 26 Mei 2017




PENERIMA: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Merangkap Pengerusi MAIWP, YB Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom

4 Selangor, 2 Jun 2017




PENERIMA: DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Sultan Selangor

5 Melaka, 6 Jun 2017




PENERIMA: YAB Datuk Seri Utama Ir. Haji Idris Haji Haron, Ketua Menteri Melaka

6 Sabah, 17 Julai 2017




PENERIMA: YAB Tan Sri Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah

7 Kedah, 24 Oktober 2017




PENERIMA: DYMM Tunku Sallehuddin Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah

8 Kelantan, 8 November 2017




PENERIMA: YTM Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra, Pemangku Sultan Kelantan

9 Perak, 9 November 2017



PENERIMA: DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghful-Lah, Sultan Perak

10 Sarawak, 10 November 2017




PENERIMA: TYT Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak



# SEMANGAT

KAMI SENTIASA
BERSEMANGAT TINGGI
UNTUK MEMPEROLEH

**PENCAPAIAN
LUAR BIASA**



# AGENDA PEMERKASAAN BUMIPUTERA




* Data awal

## ASAL-USUL KPI AGENDA PEMERKASAAN BUMIPUTERA

Satu inisiatif oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB)

- Pada 14 September 2013, Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, mengumumkan langkah-langkah dan strategi untuk memperkasa ekonomi Bumiputera, dengan MEB bertindak sebagai badan penaung utama demi mencapai objektif pembangunan Bumiputera.
- Pada asasnya, MEB memberi tumpuan kepada lima teras utama sebagai kesinambungan kepada pelaksanaan Agenda Pemerkasaan Bumiputera (BEA), sejajar dengan Model Ekonomi Baharu. Lima teras utama tersebut adalah seperti berikut:
  1. Memperkasa modal insan Bumiputera;
  2. Memperkukuh pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat;
  3. Mengukuhkan pemilikan Bumiputera dalam aset bukan kewangan;
  4. Meningkatkan keusahawanan dan perniagaan Bumiputera; dan
  5. Menyokong ekosistem penyampaian perkhidmatan.
- Untuk mempercepat pelaksanaan lima teras tersebut, MEB telah mengenal pasti beberapa langkah untuk diambil oleh syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), termasuk yang berikut:
  1. Pemilikan ekuiti – Pelancaran ASB 2 dengan 10 bilion unit, oleh PNB pada 2 April 2014;
  2. Keusahawanan – Program Pembangunan Vendor bagi syarikat-syarikat utama dalam rantaian bekalan dan pengagihan khusus;
  3. Modal insan – Inisiatif sumber manusia seperti SL1M dan Skim Pengurusan Kebolehpasaran Graduan (GEMS);
  4. KPI bagi Ketua-ketua Pegawai Eksekutif GLIC/GLC; dan
  5. Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) sebagai sekretariat dan penyelaras program BEA.

## PROGRAM AGENDA PEMERKASAAN BUMIPUTERA

- Tumpuan dan pengukuran KPI BEA adalah berasaskan pemegang kepentingan (iaitu usahawan, kakitangan, pelajar, kumpulan masyarakat). Ia tertumpu ke arah berasaskan keberhasilan untuk mengukur dan memastikan manfaat akhirnya kepada pihak berkepentingan. Khususnya, wajaran KPI mencerminkan aktiviti perniagaan teras syarikat.
- KPI BEA bagi semua GLC dan GLC yang mengambil bahagian yang dibentangkan kepada Perdana Menteri dalam sesi Bilik Putih setiap tahun. Berkuat kuasa pada 2017, sesi Bilik Putih bersama Perdana Menteri telah ditukar kepada bulan November setiap tahun, dan bukan lagi pada bulan Mei sebelum ini, yang bertepatan dengan kitaran perancangan yang biasa bagi kebanyakan GLIC/G20 bagi intervensi dan impak yang lebih berkesan.
- Sejak pertengahan tahun 2016, GLIC dan GLC juga dikehendaki melaporkan bukan KPI BEA kepada pihak sekretariat.

## PNB DAN KPI AGENDA PEMERKASAAN BUMIPUTERA

- Menurut BEA, PNB telah melaksanakan KPI BEA sejak tahun 2014, yang merangkumi langkah-langkah yang diminta oleh MEB termasuk ASB 2 di bawah inisiatif pemilikan ekuiti.
- Mengikut mandat asasnya, operasi PNB sentiasa bermatlamat ke arah menggerakkan tabungan melalui unit amanah bagi memastikan perkongsian dan pengagihan kekayaan ekonomi yang saksama dan menggalakkan pemilikan modal saham oleh kaum Bumiputera dalam sektor korporat di Malaysia.
- Sebagai sebahagian daripada proses meningkatkan ekuiti korporat Bumiputera dan bertindak sebagai kustodian bagi kekayaan Bumiputera, PNB menyediakan peluang-peluang melalui syarikat-syarikat strategiknya kepada Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Bumiputera profesional dan melantik individu-individu Bumiputera yang berwibawa dalam Lembaga Pengarah syarikat-syarikat ini sebagai pengarah nomininya.
- PNB terus menggalakkan pembangunan para profesional Bumiputera yang berkaliber dengan membuka peluang bagi peningkatan kerjaya ke peringkat pengurusan kanan dalam syarikat-syarikat ini, di mana sekurang-kurangnya 50% daripada pengurusan kanannya hendaklah terdiri daripada Bumiputera.

## AGENDA PEMERKASAAN BUMIPUTERA

- Secara umumnya, keseluruhan pencapaian KPI BEA PNB pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

## PEMILIKAN EKUITI

**RM279bilion**
aset di bawah pengurusan

**RM32bilion**
nilai pegangan hartanah termasuk syarikat hartanah dan hartanah pelaburan di Malaysia dan luar negara


Hotel Perdana Kota Bharu, Kelantan


PNB House, London, United Kingdom

## KEUSAHAWANAN

DASH SUKE

**>50%**

- Komitmen pengagihan khusus kepada vendor Bumiputera bagi projek-projek mega PNB
- Peruntukan pemerolehan bagi vendor Bumiputera


PNB 118

## MODAL INSAN

**>90%**
kakitangan Bumiputera, pengarah nomini, CEO/Pengarah Urusan syarikat strategik PNB

**1,046**
penerima biasiswa baharu termasuk program Akauntan Bertauliah (PCA) PNB bernilai kira-kira
**RM79juta**

SL1M SKIM LATIHAN 1MALAYSIA
Lebih
**460SL1M**
pelatih di PNB

## KOMUNITI

| Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) | Seminar Pelaburan 360 Hari | Kuiz Pelaburan PNB | Kelab Pelaburan Bijak PNB | Zakat |
|---|---|---|---|---|
| **208,000** pengunjung dari segenap lapisan umur menghadiri MSAM di Temerloh, Pahang | **85,836** peserta | **104,048** peserta dari badan beruniform, Institut Latihan Perguruan (IPG), Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan sekolah menengah | **97,751** pelajar sekolah menengah terbabit | **20%** daripada zakat PNB diperuntukkan bagi pengagihan langsung kepada golongan asnaf |

# KEPIMPINAN PEMIKIRAN

## AKTIVITI PERKONGSIAN PENGETAHUAN OLEH PNBRI DAN PNBi

PNB RESEARCH INSTITUTE SDN. BHD (PNBRI), SYARIKAT PENYELIDIKAN MILIK PENUH PNB TELAH DITUBUHKAN PADA 19 JANUARI 2012 SEBAGAI USAHA UNTUK MEMUPUK BUDAYA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN, MENINGKATKAN PEMBINAAN KEUPAYAAN DAN MENCARI PENYELESAIAN KEPADA ISU-ISU DAN CABARAN SOSIAL DAN EKONOMI NEGARA YANG KOMPLEKS.






### FORUM DIAGNOSTIK PERTUMBUHAN PNBRI 2017, "MALAYSIA BERADA DI PERSIMPANGAN: MENDIAGNOS HALANGAN KEPADA STATUS PENDAPATAN TINGGI"

Forum Diagnostik Pertumbuhan PNBRI 2017 merupakan forum pertama yang dianjurkan oleh PNBRI. Ia adalah inisiatif PNBRI untuk menggalakkan pertukaran idea dan pengetahuan mengenai bidang strategik dalam kalangan pelbagai pihak berkepentingan dan awam di samping meningkatkan hubungan erat antara institusi penyelidikan tempatan dan gobal.

Tarikh: 25 Mei 2017

### PEMBENTANGAN KAJIAN DIAGNOSTIK PERTUMBUHAN OLEH:

1. Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali, Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
2. En. Mpumelelo Nxumalo, Sarjana Tamu Ekonomi, Pejabat Naib Canselor, UKM

Pengenalan oleh: Dato' Abdul Rahman Ahmad, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB

## KEPIMPINAN PEMIKIRAN



### SESI PERBINCANGAN PANEL

Topik: “Cabaran Sosioekonomi Semasa yang Dihadapi oleh Malaysia dalam Transformasi kepada Ekonomi Berpendapatan Tinggi; Pendekatan Diagnostik Pertumbuhan”

Moderator: Datuk Dr. Awang Adek Hussin,
Pengerusi, PNBRI




### SYARAHAN MAKAN TENGAH HARI

Oleh En. Faris H. Hadad-Zervos, Pengurus Cawangan Malaysia, World Bank Malaysia mengenai “Trend Politik dan Implikasinya Terhadap Ekonomi Dunia”

Moderator: Tan Sri Zarinah Anwar,
Pengarah PNB



### BENGKEL BAKAT KEPADA NILAI (TALENT TO VALUE)

Bengkel ini dikendalikan oleh En. Sandy Ogg, Pengasas, CEO.works LLC. Bengkel ini mengupas kaedah bagi organisasi untuk lebih memahami hubungan antara pekerjaan dan nilai yang diwujudkan dan cara para CEO dan Ketua Pegawai Sumber Manusia (CHRO) menghubungkan bakat kepada nilai.

Tarikh: 5 Oktober 2017

# KEPIMPINAN PEMIKIRAN

## PENGGABUNGAN AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PERKONGSIAN PENGETAHUAN

